

Sultan kagumi karya
kartun Datuk Lat

2

Nelayan manfaat insentif
RM1,000 baiki alatan

7

Buat badal haji guna
pampasan insurans

6

Laksana solat hajat
untuk Palestin

7

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 12 - 18 OKTOBER 2023

www.selangorkini.my

Asrama di Mesir mudahkan siswa

Kerajaan Selangor giat bina penempatan untuk kira-kira 200 mahasiswa negeri yang sambung pengajian ilmu di Kaherah dengan kerjasama Jais dan agensi berkaitan demi keselesaan pelajar

MUKA 3

Batal tauliah selaras titah Sultan

Larangan terhadap aktivis politik mengajar agama ditetapkan DYMM Sultan Selangor demi elak ajaran Islam disalah guna untuk kepentingan politik kepartian yang boleh bawa fitnah, perselisihan dan perpecahan umat

MUKA 4



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bertemu mantan Mufti Besar Mesir Syeikh Profesor Dr Ali Jum'ah di Kaherah ketika lawatan ke negara itu pada 8 Oktober 2023. Foto Facebook Amirudin Shari

► BERITA MUKA 3

Akan Datang **SISTEM e-TANAH NEGERI SELANGOR**

Apakah e-Tanah?
Aplikasi kerajaan elektronik bersepadu untuk menjalankan urusan pentadbiran tanah secara elektronik selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Dasar IR4.0 Negara

Kaunter SPoC (Single Point of Contact)

Portal Awam

GO-LIVE 26 OKTOBER 2023

Faedah e-Tanah

KEPADA KERAJAAN

- Peningkatan Transaksi
- Tarikan Pelabur
- Perkongsian Dan Keselamatan Data
- Pelaporan Komprehensif
- Sistem Kerja Sistematik
- Tenaga Kerja Dioptimumkan

KEPADA AWAM

- Meningkatkan Hasil Kerajaan
- Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan
- Mengurangkan Penipuan
- Perkhidmatan Dalam Talian
- Kaunter SPoC
- Capaian Maklumat
- MEMUDAHKAN URUSAN
- MEJUMATKAN MASA DAN KOS

<https://ptg.selangor.gov.my> | 03 5520 5613 (e-Tanah Helpdesk) | 03 5544 7000 (PTGS) | Pejabat Tanah dan Galian Selangor | etanah_helpdesk@selangor.gov.my | PuncakTegap

Tempah siri awal Ihya Ulumuddin

SHAH ALAM - Tempahan 1,000 naskhah siri pertama daripada 20 jilid terjemahan Ihya Ulumuddin karya Imam al-Ghazali dibuka mulai 5 Oktober.

Buku baharu ini, diberi judul Menghidupkan Ilmu Agama: Kitab Ilmu, diterbitkan bawah Siri Warisan Islami Selangor dengan pembiayaan Kerajaan Negeri.

Penerbitnya Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) membuka tempahan awal jilid pertama itu kepada pembeli dengan harga promosi RM70.

"Setakat ini kami menerima 20 tempahan awal. Pembeli (awal) akan menerima peta perjalanan hidup Imam al-Ghazali," kata Pengurus Jualan dan Pemasarannya Ainul Muaiyannah Muhammad Sulaiman.

Pratempahan buku ini, setebal 328 muka surat, boleh dibuat melalui laman sesawang www.bukuibde.com dengan harga lebih murah daripada nilai asal RM80.

Nyahrahsia laporan Batang Kali

SHAH ALAM - Laporan penuh kejadian tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali yang mengorbankan 31 mangsa pada Disember tahun lalu akan dinyahrahsia.

Dato' Menteri Besar menjelaskan keputusan dibuat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 4 Oktober dan hasil siasatan diserahkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma).

"Nadma boleh papar atau letak di laman sesawang atau serah kepada mereka yang memerlukan. Laporan sangat teknikal dan itu dipaparkan di laman sesawang Nadma untuk perhatian semua pihak.

"Jadi, semua pihak boleh mengambil tindakan tetapi yang jelasnya laporan memang teknikal yang menjelaskan bagaimana berlaku peristiwa itu," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 5 Oktober.

Katanya laporan itu turut mendedahkan nama pemilik tapak selain beberapa kawasan terjejas lain.

Sultan kagumi karya kartun Datuk Lat

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan melawat Galeri Rumah Lat di Batu Gajah, Perak.

Baginda berdua meluang masa lebih sejam melawat galeri yang menempatkan karya Seniman Diraja Datuk Mohammad Nor Mohammad Khalid atau Datuk Lat sejak berkecimpung sebagai kartunis.

Menurut Facebook Selangor Royal

Office, Baginda sekian lama mengagumi bakat seni Datuk Lat dalam berkarya dan sentiasa terhibur dengan karikatur beliau khususnya siri Kampung Boy.

"Baginda juga senang dengan keramaian Datuk Lat yang mudah diajak berbual serta seorang berpengalaman dan pakar dalam bidang beliau.

"Baginda turut pernah membeli karya karikatur beliau beberapa tahun lalu yang dibesarkan dan dipamerkan di Istana Darul Ehsan, Putrajaya," menurut kenyataan itu pada 8 Oktober.

Sultan Sharafuddin berharap Datuk

Lat terus menghasilkan karya hebat dan menghiburkan serta tidak jemu mendokumenkan suasana hidup rakyat negara ini dalam bentuk penceritaan karikatur.

"Baginda turut berharap legasi Datuk Lat akan terus dipelihara khususnya dengan penubuhan Galeri Rumah Lat yang boleh menjadi inspirasi untuk melonjak kreativiti generasi baharu," kata kenyataan lagi.

Pada 2014, Baginda berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Dato' Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi mengiktiraf sumbangan dan jasa Datuk Lat.

Peluang syarikat tempatan pasar produk

Daiso bina hab edaran terbesar

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Daiso, syarikat pembekal barangan rumah Jepun, memilih Selangor sebagai lokasi pembinaan hab pengedaran terbesarnya, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menambah pembinaan pusat berkenaan yang berkeluasan 156,927 meter persegi di Pelabuhan Klang membuktikan keyakinan pelabur terhadap pentadbiran negeri.

Katanya, proses pembinaan selama dua tahun mulai 2024 yang bakal beroperasi pada 2027 memberi kesan

positif kepada sektor pembuatan dan logistik sekali gus membantu memacu ekonomi negeri.

"Hab ini akan meningkatkan kecukupan rantaian bekalan global Daiso kerana kedudukan di Selangor mampu memenuhi permintaan di Asia, Amerika, Timur Tengah, Australia dan New Zealand.

"Kita gembira dan tahniah kepada syarikat tempatan yang membantu dan menyediakan kemudahan untuk syarikat terkemuka berkenaan membangunkan hab terbesar ini," katanya pada 5 Oktober.

Beliau menyaksikan pemeteraian

memorandum persefahaman antara Daiso Malaysia bersama Kajima (Malaysia) Sdn Bhd dan Sunway Construction Sdn Bhd bagi pembinaan hab pengedaran itu.

Menjelaskan hab tersebut memberi peluang kepada syarikat tempatan untuk memasarkan produk mereka ke seluruh dunia, Amirudin menjelaskan perkara itu ada dibincang bersama Daiso.

"Bagaimanapun, kita perlu memilih syarikat yang berkualiti dan menilai kemampuan mereka. Ini peluang besar kerana Daiso miliki 5,000 cawangan dari Amerika Selatan hingga Asia," katanya.

SIBS kukuh jenama Selangor

SHAH ALAM - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) yang diperkenalkan sejak 2016 membantu penjenamaan negeri ini sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai pintu masuk Asean.

EXCO pelaburan berkata acara ber taraf antarabangsa itu mencerminkan kepentingan Selangor kepada negara

selain dapat mengembangkan kegiatan ekonomi menerusi penajaan rantaian bekalan.

"Transaksi nilai urus niaga yang dijana SIBS menunjukkan minat pembeli dan pelawat kepada ekspo tersebut. Ini memberi faedah kepada keseluruhan ekonomi," kata Ng Sze Han dalam kenyataan pada 9 Oktober.

Beliau yakin SIBS mampu menarik kehadiran peserta serta nilai pelaburan tinggi kerana pelbagai inisiatif mempromosi sidang perniagaan itu telah dilaksanakan.

Katanya, SIBS 2023 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 19 hingga 22 Oktober turut melibatkan kerjasama dengan agensi persekutuan.

Sedia 10,000 pek bantuan banjir

SHAH ALAM - Sebanyak 10,000 pek bantuan keperluan asas banjir disediakan sebagai persiapan bagi mendepani peralihan Monsun Timur Laut (MTL) yang berlaku hingga Februari depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah itu sekali ganda bilangan mangsa bencana pada 2021 berikutan kebimbangan jika bah kali ini melibatkan kawasan lebih luas.

"Ini berdasarkan pengalaman lepas bersiap siaga untuk berdepan dengan jumlah mangsa sekitar 5,000 orang dan saya arahkan supaya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sediakan sekali ganda.

"Kita bimbang bah seperti 2021, ada lebih mangsa disebabkan kawasan (bah) besar. Sekarang bekalan bantuan diurus JKJ dengan kerjasama negeri," katanya dalam sidang media pada 4 Oktober.

Amirudin menambah keperluan lain termasuk aset penyelamat seperti bot boleh digunakan bila-bila masa manakala Sukarelawan Selangor (Serve) bersiap siaga untuk berkhidmat.

Beliau juga menjelaskan pihak berkuasa tempatan turut menjalani latihan simulasi sebagai persediaan berdepan situasi sebenar sekali gus menjamin kelancaran operasi penyelamat.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas





KAGUM... Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj diiringi DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin berkenan melawat Galeri Rumah Lat di Batu Gajah, Perak pada 7 Oktober. Foto Facebook Selangor Royal Office

MB tinjau lokasi tapak

Bina asrama untuk siswa di Kaherah

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri ber-cadangan untuk membina penempatan mahasiswa Selangor yang menyambung pengajian di Kaherah, Mesir demi kesesuaian mereka.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan usaha tersebut dibuat bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) dan agensi berkaitan.

"Kerajaan Selangor akan berikhtiar bersama-sama agensi lain seperti Jais bagi membangunkan asrama buat manfaat anak-anak Selangor yang menuntut ilmu di Mesir.

"Kita cakna dan prihatin akan kebajikan mahasiswa Selangor kerana mereka-

lah masa depan yang akan memimpin negeri ini, insya-Allah," katanya di Facebook pada 9 Oktober.

Beliau yang membuat lawatan kerja ke Mesir dan Jordan antara 8 hingga 12 Oktober turut meninjau cadangan tapak dan pembangunan penempatan pelajar tersebut.

Turut sama, EXCO Hal Ehwal Agama Islam Dr Mohamad Fahmi Ngah dan Pengarah Jais Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

Dalam ucapan ketika merasmikan Konvensyen Mahasiswa Selangor Timur Tengah 2023 di Amman, Jordan pada 10 Oktober pula, Amirudin mahu usaha mendalami kajian ilmu turath dipergiat.

Beliau menambah perkara itu dibincang bersama bekas Mufti Besar Mesir

Syeikh Profesor Dr Ali Jum'ah yang sebelum diundang dalam penganjuran Festival Turath Islami Selangor pada Mei.

Amirudin juga mahu Universiti Islam Selangor milik negeri dikembangkan sebagai pusat kajian yang memiliki kebijaksanaan sekali gus mengangkat tamadun keagungan Islam pada zaman silam.

"Saya juga fikirkan bagaimana mahu menjadikan Universiti Islam Selangor dan masjid dapat dikembangkan sebagai pusat kajian yang memiliki kebijaksanaan, angkat tamadun silam," katanya.

Selain berbincang keperluan kira-kira 300 mahasiswa Selangor yang menuntut di sana, beliau juga mengadakan pertemuan bersama penasihat utama Raja Abdullah iaitu Putera Ghazi Muhammad.

Peluang imam ke Universiti al-Azhar

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor ber-cadangan untuk menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan antara institusi pengajian tinggi dan jabatan agama negeri dengan Universiti al-Azhar, Mesir.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia termasuk menghantar imam dan khatib serta pegawai Jabatan Agama Islam Selangor untuk

menjalani kursus jangka pendek di situ.

Beliau menyampaikan hasrat tersebut dalam pertemuan dengan wakil universiti berkenaan Syeikh Prof Dr Muhammad Abdul Rahman Al-Dhuwaini pada 9 Oktober dan mendapat maklum balas positif.

"Selain itu, perbincangan tentang potensi kerjasama pendidikan turut

melihat keperluan menyediakan kelas persediaan di Malaysia sebelum mahasiswa ke Universiti al-Azhar.

"Moga pertemuan ini membawa manfaat kepada rakyat Selangor," katanya di Facebook. Pertemuan itu berlangsung sebelum Amirudin berangkat ke Jordan bagi meneruskan lawatan kerja.

Pamer lukisan tunai haji di istana

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menzahirkan rasa sukacita dan tertarik dengan karya terbaru Pelukis Diraja Selangor Dato' Azman Yusof.

Lukisan berkenaan diinspirasi daripada gambar Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin yang dirakam di Madinah.

"Gambar itu diambil ketika Baginda dan Tengku Permaisuri Norashikin berada di Madinah, semasa dalam perjalanan menunaikan haji tahun ini.

"Ia dirakam di perkarangan Raudhah, Masjid Nabawi berdekatan makam Junjungan Besar Rasullullah SAW," menurut kenyataan di Facebook Selangor Royal Office

Baginda turut berkenan mempamer lukisan berkenaan di Istana Alam Shah, Klang.

Bincang keperluan penuntut di Jordan

SHAH ALAM - Pelbagai perkara termasuk keperluan kira-kira 300 mahasiswa Selangor yang menuntut ilmu di Jordan dibincang bersama Duta Malaysia di negara berkenaan.

Dato' Menteri Besar berkata pihaknya turut membincangkan isu setempat termasuk persekitaran yang perlu difahami oleh pelajar.

"Kita ambil maklum tentang beberapa perkara tersebut dan harus diambil perhatian terutama kepada mahasiswa yang bakal belajar di sini," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 9 Oktober.

Dalam pertemuan sama, Amirudin turut melihat peluang menempatkan mahasiswa di beberapa universiti sekitar kawasan berkenaan.

"Kita lihat dari kemudahan serta peluang hantar pelajar ke sini mahupun dapatkan pelajar mereka untuk menuntut di Malaysia," katanya.

Seru pelajar jayakan generasi madani

SHAH ALAM - Mahasiswa Selangor yang menuntut di Timur Tengah perlu berperanan menjayakan pembentukan generasi madani ke arah pembinaan masyarakat bernilai murni.

Berikutan itu, Mufti Selangor Dato' Dr Anhar Opir berkata mahasiswa perlu mengetahui isu semasa dan keadaan masyarakat masa kini selain menekankan prinsip maqasid syariah.

"Mereka (mahasiswa) merupakan ejen kebaikan dan perubahan masyarakat selain pencorak generasi berdaya saing. Cuma bagaimana mereka boleh main peranan ini? Saya sokong dengan tiga perkara itu yang perlu dipikul," katanya pada 10 Oktober.

Rumpun Selangor terap unsur seni

SUBANG JAYA - Program Rumpun Selangor akan dilancarkan bagi memperkenalkan adat dan tradisi yang ada di negeri ini, kata EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail.

Beliau menjelaskan program yang menerapkan elemen seni dan kebudayaan itu akan dibawa ke seluruh daerah sekali gus menonjolkan keistimewaan setiap kawasan.

"Program tersebut turut berkait dengan pembangunan desa dan luar bandar. Sekarang, kita sedang merangka pelan supaya program berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.

"Tradisi itu antaranya permainan gasing, bola sepak bendang, kasut terompah dan sukan rakyat seperti panjat tiang licin," katanya dalam wawancara bersama Media Selangor pada 3 Oktober.

Wakil rakyat Sungai Air Tawar menambah Rumpun Selangor juga bakal menjadi platform untuk penduduk menghias dan mencantikkan kawasan kampung masing-masing.

"Menerusi program ini, kita galakkan penduduk indahkan persekitaran dan landskap kediaman. Ini bukan hanya menceriakan kawasan tetapi membentuk kerjasama dan kesepakatan," katanya.

Hanya segelintir terlibat politik

SHAH ALAM - Hanya 26 orang atau 0.5 peratus daripada keseluruhan 5,682 pemegang tauliah yang terlibat politik di Selangor ditarik semula kebenaran mengajar agama mulai tahun lalu.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menegaskan penarikan itu sama sekali tidak menjejaskan dakwah dan pengajaran Islam.

Beliau menjelaskan pihaknya juga sentiasa memastikan dakwah dan pengajaran Islam terus subur.

"Mais menafikan dakwaan sesetengah pihak bahawa larangan ini sekatan terhadap dakwah dan pengajaran Islam di Selangor. Sebaliknya, Mais menegaskan larangan ini adalah langkah pencegahan.

"(Ia) untuk memastikan dakwah Islam oleh aktivis politik bersikap partisan digantikan dengan pemegang tauliah berpengetahuan dan pakar agama yang tidak bersikap partisan," katanya pada 9 Oktober.

Mahasiswa jadi teladan masyarakat

SUBANG JAYA - Dato' Menteri Besar mengajak seluruh mahasiswa di negeri ini supaya sentiasa berfikiran positif dan menampilkan teladan kepimpinan baik kepada masyarakat.

Dato' Seri Amirudin Shari juga mahu golongan berkenaan untuk bersedia dan berani mengadaptasi perubahan serta cabaran baharu yang menjadi elemen penting untuk kepimpinan masa depan.

"(Mahasiswa) harus buktikan keupayaan dan kemampuan mereka

selain menampilkan citra atau contoh kepimpinan kepada masyarakat. Ini peluang yang wajar direbut.

"Jika ini ditonjolkan, saya percaya ia medan terbaik untuk kepimpinan masa depan," katanya pada majlis bersama pemimpin di Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini pada 4 Oktober.

Bercakap depan kira-kira 3,500 penuntut baharu sesi 2023/2024, Amirudin menambah peluang melanjutkan pengajian harus dimanfaatkan sebaik mungkin dengan melakar kece-

merlangan berterusan.

"Jadi pelajar terbaik dan pelajar contoh semasa zaman persekolahan serta matrikulasi jadi kenangan. Anggaphlah ia sudah berlalu kerana sekarang masuk buku dan cabaran baru," katanya.

Naib Canselor UPM Dato' Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah pula berkata majlis tersebut bertujuan menyemarak semangat mahasiswa melalui perkongsian dengan Amirudin yang juga alumni universiti itu.

Elak perpecahan masyarakat

Batal tauliah selaras titah Sultan

SHAH ALAM - Isu penarikan semula tauliah mengajar agama Islam melibatkan penceramah Abdullah Khairi Haroon dibuat berdasarkan keputusan Jawatankuasa Tauliah Majlis Agama Islam Selangor (Mais) selaras titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor.

Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof berkata titah Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj itu berhubung larangan pemberian tauliah kepada mana-mana aktivis politik, lapor Bernama.

Katanya, tindakan tersebut dibuat mengikut Peraturan-Peraturan Tauliah (Negeri Selangor) 2008 dan pemegang tauliah yang terkesan boleh merayu.

"Mais menyeru semua pihak agar tidak mempolitikkan isu penarikan balik tauliah mengajar agama Islam dan menghormati titah DYMM Sultan Selangor yang tidak memperkenalkan tauliah mengajar agama Islam diberikan kepada mana-mana aktivis politik.

"Ini kerana ia dikhuatiri boleh disalahgunakan untuk kepentingan mana-mana parti politik yang akhirnya akan membawa kepada fitnah, perselisihan dan perpecahan umat Islam di Selangor serta mencemarkan agama Islam," katanya dalam kenyataan pada 7 Oktober.



Pada 5 Oktober, Abdullah Khairi menerusi laman sosialnya memaklumkan penarikan semula tauliah mengajar berkuat kuasa 27 September.

Dalam perkembangan lain, Abdul Aziz berkata pihaknya menghormati keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam pada 5 Oktober yang memutuskan pembatalan penarikan balik tauliah penceramah Ahmad Dusuki Abdul Rani yang dikeluarkan Mais.

Katanya, keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam itu berdasarkan alasan ketidakpatuhan prosedur.

Hayati kepentingan Rukun Negara

SUBANG JAYA - Mahasiswa perlu mendalami pengetahuan berkaitan sejarah pembentukan masyarakat dan negara kerana ia aspek penting untuk menjadi warganegara bertanggungjawab.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan pemahaman terhadap pengetahuan tersebut penting berikutan mereka bakal pemimpin negara pada masa depan.

"Kita harus sedar bagaimana Rukun Negara dibentuk, bagaimana negara kita lahir dan bagaimana masyarakat kita terbentuk serta mengapa ia dibentuk. Hal

ini perlu difahami oleh kita semua.

"Kerana nantinya saudara (mahasiswa) juga penggerak utama kepada negara sama ada sebagai pensyarah, pegawai utama atau paling kurang ketua keluarga.

"Justeru memahami sejarah diri kita, negara dan masyarakat kita merupakan hal penting untuk kita sedari," katanya dalam majlis bersama pemimpin pada 4 Oktober.

Dalam program sempena Minggu Perkasa Putra sesi 2023/2024 di Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau turut

melancarkan Buku Modul Pemahaman dan Amalan Rukun Negara.

Penerbitan itu bertujuan menjelaskan matlamat Rukun Negara sebagai teras pembinaan negara sekali gus memberi kefahaman dan meningkatkan kesedaran generasi muda terhadap rukun tersebut.

Amirudin yang juga alumni universiti itu turut melancarkan pek makanan sedia dimakan yang dihasilkan badan kerajaan MyFundAction dengan kerjasama Pusat Perhubungan Alumni UPM.

WAKTU SOLAT	12-18 OKTOBER 2023	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis	26 RABU'LAWAL - 3 RABU'ALAKHIR 1445	5:41	5:51	6:57	1:03	4:17	7:03	8:12	5:41	5:51	6:58	1:03	4:17	7:04	8:13	5:43	5:53	6:58	1:05	4:20	7:05	8:15
13 Jumaat		5:41	5:51	6:56	1:02	4:18	7:03	8:12	5:41	5:51	6:57	1:03	4:18	7:04	8:13	5:43	5:53	6:58	1:05	4:20	7:05	8:14
14 Sabtu		5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:12	5:41	5:51	6:57	1:03	4:18	7:03	8:13	5:43	5:53	6:58	1:04	4:20	7:05	8:14
15 Ahad		5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:11	5:40	5:50	6:57	1:03	4:18	7:03	8:12	5:43	5:53	6:58	1:04	4:20	7:04	8:14
16 Isnin		5:40	5:50	6:56	1:02	4:18	7:02	8:11	5:40	5:50	6:57	1:02	4:18	7:03	8:12	5:42	5:52	6:58	1:04	4:20	7:04	8:14
17 Selasa		5:40	5:50	6:56	1:01	4:18	7:01	8:11	5:40	5:50	6:57	1:02	4:18	7:02	8:12	5:42	5:52	6:58	1:04	4:20	7:04	8:13
18 Rabu		5:40	5:50	6:56	1:01	4:18	7:01	8:11	5:40	5:50	6:57	1:02	4:18	7:02	8:12	5:42	5:52	6:58	1:04	4:20	7:03	8:13



TELITI... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Hal Ehwal Islam Dr Fahmi Ngah meninjau cadangan tapak penempatan pelajar Selangor di Kaherah, Mesir pada 8 Oktober. Foto Facebook Amirudin Shari ▶ BERITA MUKA 3

Peniaga teruja sertai SELBIZ 2023

Peluang terbaik perkenal produk

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) membuka peluang kepada usahawan memperkenalkan produk masing-masing.

Pengurus pemasaran Jasmin7 berkata ramai belum mengetahui hampir 100 produk pembersihan jenama itu seperti cecair cuci pakaian, pelembut dan pewangi walau hampir 10 tahun di pasaran.

"Kami memulakan perniagaan dengan mengeluarkan produk cecair pen-

cuci pakaian pada 2013 tetapi masih ramai yang tidak tahu rangkaian produk kami yang lain.

"Jadi, kami ambil peluang sertai SELBIZ 2023 bagi mengetengah produk kami selain mahu cuba menguatkan jualan secara konvensional," kata Sofihani Farhana Jaafar pada 7 Oktober.

Hasrat untuk memartabatkan kuih dan makanan tradisional pula mendorong Sri Talamaz - The Kueh Factory menyertai SELBIZ, kata eksekutif pemasaran digitalnya.

Amirul Izzat Merican Mohamed Nor-

din Merican berkata syarikat itu menjual kuih sejuk beku selain membekal dan menyediakan makanan kepada sektor perhotelan, hospital serta swasta.

"Kami 23 tahun berada di pasaran. Setakat ini, sambutan baik kerana makanan tradisi ini tidak lapuk dek hujan dan sentiasa ada permintaan," katanya lagi.



Berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City di sini, SELBIZ 2023 menghimpunkan 200 reruai dengan sasaran potensi nilai jualan lebih RM1 juta dalam penganjuran kedua tahun ini.

Ekspo niaga tawar harga patut

SHAH ALAM - Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menawarkan pelbagai produk menarik pada harga berpatutan.

Pengunjung Rohaya Mohd Ali, 53, yang juga pengusaha kedai makanan mendapati aneka pilihan produk makanan sejuk beku dalam pameran jualan itu pada 8 Oktober.



"Saya ke sini bersama keluarga. Sambil berjalan, saya cari produk makanan sejuk beku untuk dijadikan stok di kedai makan saya.

"Banyak juga pilihan yang saya temui. Harga yang ditawarkan juga berpatutan. Mungkin selepas buat tinjauan, saya akan beli di sini sahaja," katanya.



Pereka grafik sambilan Ahmad Shukor Ahmad Zaki, 30, pula teruja menemui syarikat percetakan yang memenuhi kriteria selain menawarkan harga rendah.

"Saya cari syarikat percetakan yang baik. Tidak banyak perusahaan yang boleh menghasilkan kualiti menepati cita rasa," katanya yang mengetahui mengenai program itu menerusi Facebook.

Pergiat program kupas kitab Ihya

SHAH ALAM - Pengajian talaqqi kitab Ihya Ulumuddin karya Imam al-Ghazali oleh ulama terkenal Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni diteruskan di Masjid Negeri.

Dalam sesi pengajian itu, Baba Ismail menghuraikan beberapa potong hadis Nabi Muhammad SAW berkaitan fadhilat ilmu lengkap dengan status riwayat dan menjelaskan jaminan rezeki Allah bagi merungkai kebimbangan orang ramai yang sering mengeluh mengenai nasib serta masa depan.

Beliau turut menekankan martabat orang berilmu mengatasi orang kuat beribadah sebanyak 100 darjat, dengan jarak antara setiap satu darjat sejauh pacuan kuda lumba selama 70 tahun.

"Baginda (Nabi Muhammad SAW) menyamakan kedudukan ilmu dengan martabat kenabian. Betapa rendahnya kedudukan amalan yang tidak diiringi ilmu.

"Jika tidak kerana ilmu itu, nescaya amalannya itu pun tidak dianggap sebagai ibadah," katanya pada 10 Oktober.

Ilmu pedoman hidup umat

SHAH ALAM - Ulama terkenal Pattani Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni menekankan kepentingan mencari ilmu kerana lebih bernilai berbanding harta.

Menurut ahli jawatankuasa fatwa Peratuan Ulama Pattani, ilmu itu tidak pernah akan habis tetapi sebaliknya berlaku terhadap harta.

"Kalau tengok dari pandangan zahir, harta nampak lebih bagus. Orang kaya ilmu pula pada zahirnya terlihat fakir. Tetapi ilmu lebih baik kerana ilmu mengawal dan menjaga kita.

"Ilmu boleh menjaga kita, boleh betulkan akidah kita, boleh membezakan antara yang haq dan batil, serta boleh betulkan kesamaran. Harta pula kita yang perlu menjaganya," katanya pada 11 Oktober.

Kaji semula laluan bas percuma

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mengkaji semula laluan Bas Smart Selangor untuk diselaraskan dalam perancangan Kementerian Pengangkutan sekali gus meningkatkan kualiti pengangkutan awam di Lembah Klang.

EXCO mobiliti berkata penelitian semula itu turut merangkumi penggunaan van transit atas permintaan (Van DRT) bagi menggantikan Bas Smart Selangor di kawasan berkepadatan tinggi dan laluan sempit pada masa depan.

"Kajian laluan Bas Smart Selangor juga meliputi penambahbaikan ekosistem perbatuan pertama dan terakhir, laluan pejalan kaki yang selesa, mikromobiliti seperti e-scooter dan basikal elektrik," kata Ng Sze Han.

Prihatin isu kesihatan mental

SHAH ALAM - Program Selangor Mental Sihat (Sehat) yang diperkenal Ogos tahun lalu membuktikan keprihatinan Kerajaan Negeri terhadap isu kesihatan mental.

Dato' Menteri Besar memaklumkan program untuk menilai kesihatan mental itu menawarkan khidmat saringan awal, talian bantuan dan subsidi rawatan psikiatri.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata ia termasuk pembangunan modul serta latihan kaunselor dan khidmat pakar yang boleh diakses menerusi aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).

"Kerajaan Negeri Selangor sentiasa cakna terhadap isu berkaitan kesihatan mental. Ayuh tingkatkan kesedaran kepentingan kesihatan mental dalam kalangan masyarakat kita," tulisnya di X.

Turapan jalan selesai bulan ini

SHAH ALAM - Kerja turapan jalan besar-besaran meliputi sembilan daerah mencecah 90 peratus setakat ini, menurut Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB).

Dijangka selesai sepenuhnya hujung bulan ini, ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya berkata projek berjarak 94.9 kilometer sedikit lewat berikutan faktor cuaca tidak menentu.

"Mengikut rancangan, kerja turapan selesai pada 15 Oktober tetapi masih ada yang tidak lengkap sehingga berlaku kelewatan atas beberapa faktor termasuk cuaca.

"Jalan yang selesai diturap semula antaranya Jalan Sungai Puloh, Kapar. Ini langkah penting untuk meningkatkan kualiti jalan raya di kawasan ini," kata Suhaimi Khalidi pada 5 Oktober.

Projek Turapan Mega selenggaraan Infracel Sdn Bhd (Infracel) melibatkan 66 jalan di Petaling diikuti Klang (39), Gombak (29), Hulu Langat (27), Sepang (19), Sabak Bernam (17), Kuala Langat (16), Kuala Selangor (11) dan Hulu Selangor (lapan).

Bawa usahawan ke pameran luar

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) berhasrat untuk menengahkan usahawan bimbingannya ke eskpo produk halal antarabangsa di Osaka, Jepun pada 2025.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mahmud Abbas menjelaskan pameran tersebut memberi peluang kepada usahawan bagi menjana potensi perdagangan dan pelaburan ke peringkat global.

"Kita sasar untuk membawa seramai 25 hingga 50 usahawan ke ekspo usahawan halal antarabangsa di Osaka kerana di situ ada peluang untuk mereka melebar sayap.

"Untuk capai sasaran itu, kita perlukan usahawan yang kukuh dan mahu berkembang dalam bidang eksport dan kita giat membimbing usahawan berpotensi."

Guna pampasan untuk badal haji

GOMBAK - Ibu kepada pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Perdana yang maut akibat nahas motor bercadang membuat badal haji untuk anaknya menggunakan pampasan insurans negeri.

Eeliani Noordin, 48, berkata Allahyarham Muhammad Hassif Yaakob, 21, mahu menunaikan umrah bersama-sama tahun depan selepas adiknya tamat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Anak-anak pernah berbincang un-

tuk mengerjakan umrah tetapi tidak berkesempatan. Apabila terima pampasan ini, saya mahu buat badal haji untuk arwah (Hassif).

"Ini rezeki dia untuk saya panjangkan hasratnya, itu sahaja mampu dibuat," katanya yang turut kehilangan suami akibat barah pada September tahun lalu.

Eeliani yang juga guru mengakui tidak mengetahui anak keduanya itu layak menerima pampasan Skim Insurans Am Selangor (INSAN) berikutan segala urusan dibuat anak sulungnya.

"Saya bersyukur dan terima kasih

kepada Kerajaan Selangor memperkenal skim INSAN kerana saya dapat panjangkan badal haji untuk arwah anak," katanya ketika ditemui pada 3 Oktober.

Ketua Pegawai Operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, Saipolyazan M Yusop menyerahkan pampasan Skim Takaful INSAN bernilai RM11,000 di rumah mereka di Batu Arang.

Pada 9 Ogos, Hassif meninggal dunia di tempat kejadian selepas motosikal yang dinaikinya melanggar kenderaan pelbagai guna kira-kira jam 5.50 petang.



Agenda pembangunan SABDA

Tingkat kegiatan ekonomi setempat

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Projek Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) yang terkandung dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bertujuan meningkatkan kegiatan ekonomi penduduk setempat.

Ketua Divisyen Ekonomi dan Kewangan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berkata Sabak Bernam ada banyak sumber ekonomi tetapi pembangunannya tidak teratur dan lambat.

Justeru, Zannifa Azura Ahmad menjelaskan pentadbiran negeri menerusi

MBI merangka garis panduan lengkap untuk membangunkan kawasan berkenaan secara tersusun.

"Apabila Kerajaan Negeri memberi mandat, MBI pergi ke kawasan dan meneliti kegiatan ekonomi setempat. Kita dapati banyak yang boleh ditambah baik dan berpotensi untuk diketengahkan.

"Menerusi SABDA, ia tingkatkan aktiviti berasaskan agropertanian, menggalakkan keusahawanan dan inovasi dalam kalangan masyarakat setempat," katanya dalam program bual bicara pada 4 Oktober.



Enam projek bawah SABDA yang dijangka beroperasi mulai 2025 dijangka menarik pelaburan sehingga RM1.9 bilion dan bakal mencipta 3,600 peluang pekerjaan bergaji tinggi.

Pembangunan di tanah seluas 1,317 hektar mencakupi pembinaan Smart Selangor Agro Park di Changkat Menteri, Pusat Perikanan berteknologi tinggi di Sekinchan dan Pusat Perniagaan Air Manis.

Turut tersenarai, projek Pusat Rehat dan Rawat Sabak Bernam, agropelancongan di Sekinchan dan pusat setempat pembinaan serta penyelenggaraan bot atau kapal nelayan di Sungai Lang.

Bina dua pelabuhan pendaratan ikan

SHAH ALAM - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI akan membangunkan dua pelabuhan pendaratan ikan di Sungai Lang, Kuala Langat dan Sekinchan, Kuala Selangor tidak lama lagi.

Ketua Divisyen Ekonomi dan Kewangannya Zannifa Azura Ahmad menjelaskan pembangunan di Sungai Lang dengan kerjasama swasta dijangka menelan kos hampir RM100 juta bagi fasa pertama.

Beliau menjelaskan usaha tersebut yang dibuat menerusi projek Kawasan Pembangunan Sabak Bernam (SABDA) dijangka beroperasi dalam 12 bulan selepas ia diluluskan.

"Mereka mahu membangunkan pelabuhan mengikut standard pensijilan Kesatuan Eropah (EU) kerana kita

hendak bawa ikan tuna dan ikan laut dalam. Semestinya kapal juga bukan kapal biasa.

"Dengan reka bentuk pelabuhan menarik, kemudahan moden dan untuk jadi pembangunan mampan perlu ada satu standard. Kriteria ini akan tarik pelabur luar," katanya pada 4 Oktober.

Bagi pembangunan di Sabak Bernam pula, Zannifa berkata projek tersebut tidak menjejaskan kawasan itu yang memiliki 40 peratus hutan simpan selain turut mematuhi piawaian EU.

Katanya, lokasi itu didalamkan supaya lebih banyak bot masuk dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Persatuan Industri Perikanan Sekinchan dan Persatuan Nelayan Sekinchan.

"Buat masa ini, bot yang masuk satu

persatu. Apabila air surut atau pasang, tersekat. Ini mengakibatkan kelewatan hantar tangkapan sekali gus menjejaskan kualiti ikan kepada pengedar.

"Unjuran 10 tahun akan datang hasil tangkapan nelayan meningkat kepada 300 peratus dan 400 bot boleh berlabuh berbanding 200 pada masa ini serta 1,300 tan ikan sehari bagi setiap bot," katanya.

Jun lalu, Dato' Menteri Besar memaklumkan dua projek perikanan berskala besar bawah SABDA dijangka mampu menarik pelaburan sekitar RM600 juta.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata projek berdampak tinggi yang dijangka siap pada 2027 juga bakal mencipta lebih 7,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun di daerah berkenaan.



CERIA... EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari (kanan) menyampaikan hadiah persembahan pakaian animasi terbaik kepada Mohammad Syer Aziz Hakim Mohammad Arif (tengah) sempena sambutan Hari Cerebral Palsy Sedunia 2023 anjuran Gabungan Anak-anak Palsi Serebrum (GAPS) di Sepang pada 7 Oktober. Foto REMY ARIFIN ► BERITA MUKA 8

Ringan beban baiki peralatan

Nelayan teruja terima RM1,000

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Rata-rata nelayan bersyukur atas pemberian Insentif Pertanian Kita Selangor bernilai RM1,000 yang bakal diterima mereka pada bulan ini.

Norhizam Sarif, 52, percaya bantuan berkenaan meringkatkan beban golongan seperti selain membuktikan kesungguhan pentadbiran negeri dalam menunaikan manifestonya.

"Saya gembira dengan pengumuman insentif ini kerana ia sememangnya diperlukan untuk kami membaiki peralatan tangkap ikan sekali gus

meningkatkan hasil tangkapan.

"Saya harap agihan bantuan diberi kepada yang betul-betul memerlukan kerana di Kuala Selangor sahaja ada 1,187 nelayan berdaftar," kata nelayan dari Sungai Sembilang pada 6 Oktober.

Kegembiraan sama dikongsi Satarudin Kamal, 55, yang menyifatkan pemberian itu bermakna buat nelayan tradisi kerana kawasan tangkapan mereka terhad dan hasil tidak banyak.

"Dengan adanya insentif RM1,000 itu membantu untuk pendapatan dan dapat digunakan untuk membaiki jaring atau kelengkapan menangkap ikan," katanya dari

Kampung Sungai Sireh, Klang.

Pada 4 Oktober, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata 500 pengusaha tanaman, ternakan, akuakultur, industri asas tani dan nelayan menerima insentif itu bagi meningkatkan kadar pengeluaran.

Pemberian RM500 dan baki dalam bentuk input tanaman, peralatan dan bahan mentah diserahkan pada 31 Oktober menerusi Agro Bank Selangor dan Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (Kohijrah).

Perkara tersebut sebahagian daripada lima komitmen utama dalam tempoh 100 hari pentadbiran Selangor berdasarkan ketetapan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Larang aktivis politik elak fitnah

SHAH ALAM - Larangan aktivis politik memegang tauliah mengajar agama di Selangor mengelak penyebaran propaganda politik berunsur fitnah dan kebencian yang membawa perpecahan umat Islam.

Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (Mais) Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof menegaskan larangan itu juga untuk mengelak medan dakwah disalahgunakan dan pengajaran agama sebagai

gelanggang politik.

"Ini adalah suatu langkah preventif untuk mencegah sebarang mafsadah atau kerosakan daripada berlaku berdasarkan dalil sadd al-zara'i," katanya dalam kenyataan pada 9 Oktober.

Beliau menasihatkan umat Islam memahami maksud dan tujuan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang tidak perkenan tauliah mengajar agama diberi kepada aktivis politik.

Katanya, aktivis politik tidak terhad kepada orang berjawatan dalam parti tetapi merangkumi aktiviti yang jelas mempengaruhi masyarakat untuk menyokong pihak tertentu.

"(Mereka ini) mengajak dan mempengaruhi masyarakat Islam untuk menyokong atau memihak kepada parti politik tertentu secara terbuka sehingga melahirkan sikap partisan dan fanatik serta berpuak-puak," katanya.

Laksana solat hajat untuk Palestin

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menyeru semua masjid dan surau di negeri ini melaksanakan solat hajat dan bacaan Qunut Nazilah selama tujuh hari berturut-turut bagi mendoakan kesejahteraan rakyat Palestin.

Pengarah Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata Jais mengutuk sekeras-kerasnya tindakan serangan ke atas rakyat Palestin di Semenanjung Gaza termasuk menyokong penuh apa jua tindakan mereka dalam mempertahankan tanah air Baitul Aqsa.

"Jais menyeru semua masjid dan surau di Selangor bersolidariti melaksanakan solat hajat selepas solat Maghrib atau Isyak dan bacaan Qunut Nazilah selama tujuh hari berturut-turut.

"Semoga kemenangan dan keamanan buat rakyat Palestin akan tercapai dengan doa seluruh umat Islam lalu memperoleh bantuan dari Allah, amin," katanya menerusi kenyataan pada 9 Oktober.

Latihan menyelamat penting hadapi bah

SHAH ALAM - Hampir semua pihak pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini mengadakan simulasi banjir berikutan fenomena peralihan Monsun Timur Laut.

EXCO Kerajaan Tempatan Ng Suee Lim menjelaskan latihan menyelamat itu sebagai persediaan selain memastikan kakitangan tidak panik ketika berdepan situasi sebenar.

"Simulasi ini penting kerana jika bencana berlaku, mereka antara terawal turun ke lapangan bagi membantu mangsa. Skuad Pantas dan Unit Bencana Negeri juga sentiasa bersiap siaga.

"Keperluan terutama aset dipastikan dalam keadaan baik dan boleh diguna," katanya pada 6 Oktober sambil menambah PBT yang tidak terjejas banjir juga digerakkan ke lokasi bencana.

Teroka peluang lonjak pendapatan

KLANG - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) mahu meneroka pelbagai peluang pemasaran dan mengenal pasti wadah sesuai bagi melonjakkan ekonomi dan pendapatan usahawan.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi menjelaskan agensi berkenaan tidak hanya memberi tumpuan kepada teknik pemasaran tertentu sebaliknya merangkul semua potensi sedia ada.

"Hijrah akan terus meneroka dan kenal pasti apa jua platform sedia ada, baik di sosial media atau konvensional, asalkan ia boleh membantu melonjakkan ekonomi dan pendapatan usahawan.

"Yang paling penting, usahawan dapat manfaat dan tidak tertinggal dalam perkembangan teknologi digital," katanya dalam majlis penutup kursus Strategi Super TikTok 2023 pada 5 Oktober.

Saringan percuma Hari Sukan Negara

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) menganjurkan Hari Sukan Negara daerah Hulu Langat dan Bandar Baru Bangi Pagi Tanpa Kenderaan hujung minggu ini.

MPKj menerusi Facebook memaklumkan program dari jam 6.30 hingga 11 pagi di Taman Tasik Cempaka, Bandar Baru Bangi akan diserikan dengan pemeriksaan kesihatan percuma oleh pusat kesihatan KPMC.

Antara aktiviti menarik termasuk 500 peserta terawal yang membawa barangan kitar semula berpeluang menerima t-shirt dan beg eksklusif.

Selain itu, acara berbasikal, 'fun walk', 'inflatable playground', seni pasir, pertandingan mewarna, pertunjukan badut, muzik jalanan serta cabutan bertuah.

Hijrah bantu pasar produk di Shopee

SHAH ALAM - Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) memperkenalkan kedai dalam platform e-dagang Shopee bagi membantu memasarkan produk usahawan negeri ini.

Eksekutif kewangannya berkata Hijrah Official Store memfokuskan produk sedia dimakan dan dimasak dengan tujuh usahawan dihimpunkan sejak dilancar awal bulan ini.

Mohamad Zuraidi Mohamed Nawi menjelaskan inisiatif itu sebagai strategi tambahan untuk usahawan mengetengah produk masing-masing sekali gus menjana pulangan tinggi.

"Untuk permulaan, kita mengehadkan lebih kurang 10 ke 15 unit simpanan stok dalam platform ini bagi setiap produk dan akan bertambah apabila ada permintaan pembeli.

"Kebanyakan usahawan sudah ada kaedah pemasaran sedia ada termasuk kedai fizikal dan penyertaan dalam acara tertentu. Kali ini kita bantu guna platform dalam talian pula," katanya pada 3 Oktober.

Mohon bantuan daftar taska

SHAH ALAM - Ibu bapa di Selangor boleh memohon insentif Yuran Pendaftaran Taska (PINTAS) yang dibuka sejak awal September.

Program kendalian Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) itu menawarkan bantuan sekali bayar RM100 untuk anak berusia empat tahun ke bawah untuk dimasukkan ke taska atau nurseri.

Sebanyak 315 permohonan diterima setakat 15 September. Program tersebut masih dibuka sehingga sasaran kuota 5,000 penerima dipenuhi.

Permohonan boleh dibuat menerusi pautan pintas.yawas.com.my dengan melampirkan dokumen dalam tempoh 21 hari.

Dana RM4 juta bantu anak istimewa

SEPANG - Kerajaan Negeri membelanjakan RM4 juta untuk menjayakan program bantuan Anak Istimewa Selangor (ANIS) bagi meringankan beban ibu bapa dalam menampung keperluan alatan.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari menjelaskan bantuan tersebut meliputi antaranya kerusi roda, alat pernafasan dan khidmat fisioterapi kepada anak istimewa.

"Seramai 250 anak istimewa menerima manfaat, 33 guru mengajar di Pusat intervensi ANIS juga terima manfaat diberi gaji dan latihan," kata beliau

lagi pada 7 Oktober.

Katanya, Pusat intervensi ANIS akan diperluas termasuk bekerjasama dengan Universiti Selangor (Unisel) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan menggunakan premis mereka.

Sementara itu, Kerajaan Negeri menyumbangkan RM5,000 kepada Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (Gaps) bagi menjayakan sambutan Hari Cerebral Palsy Sedunia di Tamarind Square di sini.

Anfaal menjelaskan dana tersebut disalurkan dengan mengambil kira usaha

Gaps sebagai badan bukan kerajaan yang menjaga keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang menghidap cerebral palsy.

Terdahulu, sambutan Hari Cerebral Palsy berlangsung meriah dengan kehadiran lebih 300 pengunjung dalam kalangan ibu bapa bersama anak penghidap palsy serebrum dari seluruh negara.

Bermula 10 pagi, pelbagai kegiatan dijalankan antaranya pertandingan pemakaian kostum, permainan bowling, pameran lukisan dan pemeriksaan gigi secara percuma.

JER ringankan beban rakyat

Tumpuan warga emas berbelanja

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

GOMBAK - Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) terus menjadi tumpuan orang ramai untuk berbelanja bagi mendapatkan barangan dapur.

Warga emas Zulkifli Mat, 61, mengakui berjimat hampir 30 peratus ketika berbelanja di jualan murah berbanding di pasar raya.

"Saya beli dua papan telur, dua ayam dan dua kampak beras. Saya membayar dengan harga lebih murah di JER. Alhamdulillah, sedikit sebanyak membantu menjimatkan perbelanjaan keluarga.

"Ramai berharap program ini diteruskan hingga tahun depan. Dengan keadaan harga barangan naik, Kerajaan Negeri wajar meneruskan

subsidi barangan asas bagi membantu rakyat dengan dapatkan barangan lebih mudah," katanya pada 4 Oktober.

Pendapat sama dikongsi suri rumah Siti Kamariah Sadari, 29, yang menyifatkan

JER membantu meringankan perbelanjaan rakyat.

"Di JER, bekalan seperti beras, telur dan ayam mudah diperolehi. Jadi, kita tidak perlu pergi banyak kedai untuk beli bekalan, di sini (JER) semua ada.

"Saya beratur sejak 7.30 pagi untuk memenuhi keperluan bekalan keluarga saya bersama suami dan dua orang anak," katanya

Rosmah Bargi, 48, pula berpandangan program sedemikian meringankan beban kewangan bulanan golongan berpendapatan rendah dan ber-

harap jualan itu tidak terhenti pada akhir tahun ini.

"Saya mahu program ini diteruskan kerana ramai yang terkesan dari segi kewangan tidak mampu beli di luar kerana harga tersangat tinggi.

Terdahulu, sebanyak 500 ekor ayam dan 400 pek beras Ehsan keluaran PKPS habis terjual kurang dua jam dalam program JER peringkat DUN Sungai Tua.

JER menawarkan ayam RM10 sekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

Lokasi terkini jualan murah seluruh negeri boleh disemak di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS.

Jimat kos dapur hingga 30 peratus

AMPANG JAYA - Jualan Ehsan Rahmah (JER) pilihan golongan berpendapatan rendah bagi membeli barangan asas kerana mereka boleh berjimat sehingga 30 peratus tiap kali berbelanja.

Perkara itu diakui Norrizan Bashah, 52, yang sentiasa ternanti-nanti program kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berbanding membeli barangan di pasar raya.

"Bukan sahaja bekalan cukup malah jimat belanja. Ini kelebihan program ini berbanding berbelanja di luar.

Wajar diteruskan kerana membantu golongan tidak berkemampuan," katanya.

Pandangan sama dikongsi warga emas Nawi Anak Unggang, 68, yang berharap program berkenaan diteruskan tahun hadapan bagi membantu rakyat berdepan kenaikan kos sara hidup.

"Beli ikan, ayam, beras dan telur di JER dapat penuhi stok bekalan dua minggu berbanding beli di luar kerana harga lebih mahal hingga terpaksa hadkan pembelian," katanya.

Mereka antara 250 pengunjung JER peringkat Dewan Undangan Negeri Teratai yang menanti sejak jam 7 pagi di sini pada 8 Oktober. Sebanyak 200 papan telur dan 250 pek beras Ehsan keluaran PKPS terjual kurang dua jam.



Buku al-Ghazali dedah bahaya ulama jahat

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Kerajaan Selangor mengukuhkan lagi pengajian agama dengan menerbitkan terjemahan Kitabul Ilmu, kitab pertama Ihya Ulumuddin karya Imam al-Ghazali, yang akan mula diedarkan bulan ini.

Diterbitkan dengan judul Menghidupkan Ilmu Agama: Kitab Ilmu, karya penting ini dengan tujuh bab membicarakan tentang kepentingan akal, adab serta keutamaan ilmu agama, dan juga cara mengenali ulama sebenar.

Dibiaya Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI, buku terjemahan Zahid M Naser dan Hilmi Marjunit dilancarkan sebagai karya pertama bawah Siri Warisan Islami Selangor.

"Imam al-Ghazali menjelaskan tentang perdebatan ilmu, juga tentang perdebatan yang melampaui batas. Beliau membandingkan perdebatan ilmu zaman salaf dan zamannya yang boleh diambil iktibar pada waktu sekarang.

"Beliau juga menjelaskan tentang ciri-ciri ulama su' (jahat) dan ulama akhirat. Imam al-Ghazali menulis untuk orang awam. Diharap orang ramai mendapat manfaatnya, sesuai dengan kehendak al-Ghazali," kata Zahid kepada Selangorkini pada 5 Oktober.

Projek terbaharu ini digerakkan oleh Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), penerbit lebih 70 karya penting dunia bawah Siri Pencerahan Selangor, sejak Februari lalu sehingga siap disunting pada Julai.


Sokongan menteri besar

Dalam Siri Pencerahan Selangor, IBDE turut menerbitkan beberapa terjemahan karya al-Ghazali dan biografinya. Karya penting dunia yang lain meliputi pelbagai bidang seperti falsafah, politik, sejarah, sastera dan sains.

Projek penterjemahan 10 jilid Ihya Ulumuddin daripada teks Arab hasil sokongan kuat Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari awal tahun ini menjelang Festival Turath Islami Selangor pada Mei.

Beliau melancarkan Siri Warisan Islami Selangor pada 28 Mei di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, serentak dengan buku terjemahan biografi al-Ghazali karya William Montgomery Watt.

Menghidupkan Ilmu Agama: Kitab Ilmu, edisi kulit keras setebal 328 muka surat, boleh ditempah awal sehingga 15 Oktober dengan harga promosi RM70. Pembeli awal mendapat peta percuma pengembaraan al-Ghazali untuk menimba ilmu.



Ia diterbitkan bagi menyemarakkan pengajian kitab-kitab klasik ulama Islam, termasuk ketika festival turath yang julung kali diadakan pada 20 hingga 25 Mei.

Festival itu menampilkan beberapa ulama tersohor dari luar negara, antaranya bekas mufti besar Mesir Profesor Dr Ali Jum'ah Muhammad Abdul Wahab dan ulama pondok Pattani seperti Baba Ismail Sepanjang al-Fathoni (foto) yang menghurai karya al-Ghazali.

Pengajian talaqqi

Selepas kuliah pertamanya pada 1 Mei, Baba Ismail meneruskan pengajarannya secara talaqqi di Masjid Negeri, Shah Alam pada 3 hingga 7 Julai lalu dan kali ketiga pula pada 10 dan 11 Oktober.

Kerajaan Negeri berhasrat mengangkat Selangor khususnya di pusat bandar ini sebagai pusat keilmuan terkemuka Islam seperti dicita-citakan Dato' Menteri Besar.

Ketika ini, Amirudin mengadakan lawatan kerja di Mesir dan Jordan sebagai usaha mengukuhkan pengajian agama dalam kalangan mahasiswa Selangor. Selain membina asrama di Kaherah, beliau juga mencadangkan imam dan kakitangan jabatan

agama mengambil kursus khas di Universiti al-Azhar.

Biografi ulama terkenal ini Muslim Intellectual: A Study of al-Ghazali diterjemah dengan judul Imam al-Ghazali: Hayat & Jasa Ilmuwan Ulung, hasil kerjasama IBDE dan Media Selangor Sdn Bhd bawah Siri Pencerahan Selangor.

Ketika bekerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, IBDE menterjemah lima kitab penting al-Ghazali antaranya Penyelamat daripada Kesesatan (Al-Munqidh min al-Dalal), Ciri Pemisah antara Islam dan Zindik (Faisal at-Tafriqa Baina al-Islam wa al-Zandaqa) dan Al-Mustasfa: Intipati Ilmu Usul Fiqh.

Ciri Pemisah antara Islam dan Zindik menghuraikan amalan takfiri (mengkafirkan orang Islam) yang sudah berkembang pada zamannya, kira-kira seribu tahun lalu. Amalan takfiri merebak dalam kalangan umat Islam kini yang terpengaruh dengan aliran melampau.

Perihal Kesederhanaan dalam Beriktikad (terjemahan al-Iqtisad fil Iktiqad) mengulas kedudukan hujah al-Quran dan hadis dengan bantuan ilmu lain seperti logik, bahasa dan etika perdebatan. Sementara Ilmu Kalam: Tegahan buat Orang Awam (Iljam al-Awam an Ilmul Kalam) menghurai kekeliruan dalam ilmu kalam.

Pendiri demokrasi

Oleh HAKIM HOOD

Periklis naik ke tampuk kuasa semasa kegawatan politik yang hebat melanda Athens. Negara kota itu sedang pulih daripada Perang Parsi yang dahsyat.

Sementara itu, muncul puak-puak yang cuba mengawal demokrasi yang baru lahir. Dalam suasana huru-hara ini, Periklis muncul sebagai pemimpin muda dan bercita-cita tinggi, bersedia untuk mengemudi Athens ke arah kegemilangan.

Dalam usaha untuk mengukuhkan kuasanya, Periklis terpaksa melayari gelora politik Athens yang berbahaya terlebih dahulu. Dia bersekutu dengan tokoh terkenal dan berpengaruh Ephialtes, yang telah menyingkirkan kuasa dewan aristokrat Areopagus.

Pakatan ini meletakkan Periklis sebagai wira rakyat biasa, menyokong pembaharuan yang akan memperkasakan lagi kelas bawahan Athens.


Antara tindakan pertama Periklis sebagai pemimpin politik adalah memperkenalkan undang-undang yang menyediakan bayaran terus kepada mereka yang berkhidmat sebagai juri.

Ini ialah suatu langkah yang tekal berani, kerana ia membenarkan orang Athens yang miskin untuk mengambil bahagian dalam sistem perundangan dan menerima pampasan atas penglibatan mereka.

Dengan berbuat demikian, sokongan kelas bawahan terhadap Periklis bertambah kukuh. Periklis berjaya mengaut pengaruh politik yang besar.

Bawa pembaharuan

Pengaruh dan kuasa Periklis tidak terhad kepada pembaharuan dalam negeri. Sebagai



seorang diplomat yang mahir, kecerdikan beliau terserlah dalam membentuk pakatan dan mengemudi persaingan yang rumit di antara pelbagai negara kota Yunani purba.

Keupayaan berundingnya tak terbanding, sehingga pakatan yang terjalin akhirnya memberi manfaat kepada Athens pada masa perang dan konflik.

Walaupun perjanjian dengan Sparta dan Peloponnesia teruji getir oleh krisis antara Athens dan Samos, namun kecerdasan diplomatik Periklis berjaya mempertahankan perjanjian tersebut.

Salah satu sekutu utama Athens ialah negara kota Megara. Pakatan Athens-Megara ini penting kerana ia memberi Athens akses kepada laluan perdagangan dan sumber hasil yang penting.

Keupayaan Periklis membentuk pakatan seperti ini menunjukkan pemikiran strategiknya yang tinggi dan kesungguhan usahanya menjaga kepentingan Athens.

Segala perancangan dan pengukuhan kuasa oleh Periklis ini tidaklah berhasil tanpa cabaran.

Tentangan datang daripada pesaing politik yang cuba melemahkan kuasanya, sekaligus menentengahkan agenda mereka sendiri. Cleon muncul sebagai lawan yang hebat.

Dia sentiasa mengkritik dasar-dasar ciptaan Periklis dan cuba mempengaruhi pendapat umum terhadapnya.

Pemidato handal

Tanpa lelah, Periklis tetap gigih menghadapi cabaran ini. Menerusi karisma dan kemahiran retoriknya, Periklis berjaya mengungguli kepimpinan di Athens.

Beliau adalah seorang pemidato yang handal dan meyakinkan. Ucapan hebatnya mampu memikat perhatian penonton, apatah lagi beliau sering menekankan kepentingan demokrasi dan peranan penting Athens dalam membentuk masa depan Yunani.

Pada tahun-tahun awal kerjaya politiknya, Periklis meletakkan asas untuk pencapaian masa depannya. Pengukuhan kuasa dan keupayaannya membina pakatan menjadi pentas pembaharuan dan pencapaian budaya dalam mercu kepimpinannya.

Dengan wawasan dan visi yang jelas, kemakmuran dan kegemilangan Athens menjadi realiti di bawah kepimpinan demokratik Periklis.

Tulisan ini olahan bab 7 hingga 10 buku Periklis: Athens & Kelahiran Demokrasi (terbit 2017). Terjemahan Al-Mustaqeem M Radhi ini diambil daripada buku Pericles of Athens and the Birth of Democracy karangan Donald Kagan. Menulis berbelas-belas buah buku antara 1965 hingga 2013, Kagan seorang pakar sejarah Greece yang pernah dilantik profesor Universiti Yale, Amerika Syarikat. Kuliahnya tentang sejarah boleh ditonton di YouTube Yale Courses. Buku ini boleh dibeli di www.bukuibde.com



Panggung Dionysus yang terletak di selatan Acropolis, Athens menjadi ruang pementasan karya tokoh drama Sophocles, Euripides, Aeschylus dan Aristophanes. Periklis pernah menaja pementasan karya Aeschylus berjudul Persians.

Naik lepas tersungkur

Oleh NAZLI IBRAHIM
Foto FIKRI YUSOF

Nurul Nabila Rozali menerawang jauh. Dia sedar di mana silapnya sehingga dua syarikat miliknya bersama suami gulung tikar tujuh tahun lalu.

Mudah tergoda tawaran projek besar tanpa penilaian risiko, perniagaan mengalami kerugian besar. Ditambah kurang pengalaman, beliau tidak dapat menyelamatkan syarikatnya.

Wanita berumur 33 tahun itu terduduk. Semuanya hilang sekelip mata. Hendak makan pun susah. Untuk tambah nilai telefon pun terpaksa minta orang tua. Dari kondominium mewah, Nurul Nabila menumpang pangsapuri emak dan ayahnya hampir setahun.

“Pada 2016 kami mula jatuh. Projek sangkut, modal juga sangkut. Forex (pelaburan mata wang asing) rugi. Ibarat jatuh ditimpa tangga, kereta Vellfire pula hilang. Mercedes dan BMW kami jual, beli kereta terpakai murah sahaja.

“Bayar sewa kondominium tidak mampu, pindah ke rumah ayah di Flat Sri Johor. Dulu mewah tetapi kuasa Tuhan, sekejap sahaja Dia tarik sampai makan pun susah. Tambah nilai telefon pun minta emak belikan,” katanya pada 26 September.

Sebelum itu, anak kedua daripada tiga beradik itu menguruskan syarikat bersama suami Sufian Jamaludin, 42. Mereka mengimport tayar dan beras selain melibatkan diri dalam industri minyak dan gas serta dagangan mata wang secara aktif.

Akibat salah percaturan, perniagaan mereka ditutup. Gaya hidup mewah Nurul Nabila selama tiga tahun bertukar.

Pemegang sijil menjahit Giat Mara itu enggan mengalah. Pada 2017, dia mengambil keputusan berniaga semula. Produk daging dendeng jenama Kak Bell dilahirkan.

Menerusi ilmu YouTube, Nurul Nabila mempelajari masakan daging dendeng. Sesudah mahir, wanita itu memulakan perniagaan berkenaan dengan modal RM200 pemberian suami.

“Saya belajar buat daging dendeng melalui YouTube dan Google sahaja tetapi sebab semangat itu kuat saya berjaya juga kuasai resipi dan rasa yang kena dengan cita rasa saya.

“Dengan modal yang ada, mula-mula saya beli daging cuma dua kilogram (kg) dan perkakasan lain. Emaklah yang banyak tolong. Jual di Facebook, tidak sangka habis pula.

“Hasil jualan saya buat modal beli dua kg daging lagi. Macam itulah saya pusing-pusing modal,” katanya.

Penyediaan daging dendeng Kak Bell perlahan-lahan meningkat daripada dua kg kepada 10kg seminggu.

Bimbingan

Mengambil iktibar kegagalan lalu, Nurul Nabila mengikuti kelas bimbingan usahawan anjuran Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera, Majlis Amanah Rakyat (Mara) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi).

Dia juga berusaha mendapatkan pelbagai geran pembiayaan bagi membeli pelbagai mesin, peti sejuk beku dan kelengkapan lain.

Hasilnya, wanita itu mempunyai lima peti sejuk beku, satu mesin masak pelbagai guna dan mesin penyedut untuk pembungkusan.

Selain itu, beliau menyertai kelas bimbingan usahawan anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) seperti Program Siswazah (GROW) dan PKNS Mexpro (Pecutan Pasaran Untuk Produk Eksport & Runcit).

Berselang dua tahun kemudian, pada 2019, jualan diraih mencecah RM10,000 sebulan dan meningkat RM20,000 ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac 2020.

Berikutan pengeluaran semakin meningkat, Nurul Nabila memindahkan operasi perniagaan di rumah teres Taman Melur, Ampang Jaya pada 2021.

Sesudah PKP berakhir, jualan produknya menjana RM30,000 sebulan. Beliau turut menambah produk lain Sambal Goreng Krancie, Pulut Kuning Kak Bell dan Cili Kisar Hiza.

“Setiap kali bulan puasa tidak menang tangan. Mula sebelum bulan puasa sampai habis Syawal jualan boleh cecah RM70,000 sebulan,” katanya.

Berada pada tahap kedua program PKNS Mexpro, produk jenama Kak Bell laris menerusi platform media sosial terkenal seperti Shopee dan Lazada. Nurul Nabila mahu memperoleh status halal sebelum melebarkan pasaran ke pasar raya di seluruh negara.

“Walau saya bukan (lagi) jutawan tetapi saya dapat rasakan hidup lebih tenang, lebih-lebih lagi ayah dan emak selalu ada dengan saya,” katanya.



Sasar jualan lebih RM1 juta

SHAH ALAM - Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) memasuki edisi kedua tahun ini dengan 200 usahawan pelbagai industri terlibat.

Kali ini, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyasarkan kehadiran 15,000 pengunjung dengan sasaran potensi jualan lebih RM1 juta.

PKNS menerusi satu kenyataan media berkata, sepanjang tiga hari penganjuran ia menjadi medan kepada usahawan mempromosikan jenama produk masing-masing selain berpeluang meluaskan pasaran perniagaan ke peringkat lebih tinggi.

SELBIZ 2023 merupakan platform terbaik bagi usahawan seluruh negeri Selangor meluaskan jaringan perniagaan, mencari peluang perniagaan baharu dan menambah pengetahuan dalam industri keusahawanan.

Ia melibatkan 200 reruai jualan daripada pelbagai industri usahawan antaranya pembuatan, peruncitan dan perkhidmatan yang memberi peluang kepada pemain industri itu meningkatkan jaringan perniagaan menerusi kaedah perniagaan kepada perniagaan (B2B) dan perniagaan kepada pelanggan (B2C).

PKNS memaklumkan, agensi keusahawanan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Selangor Youth Community (SAY) dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut mengambil bahagian.

Selain itu, perbadanan ekonomi negeri seperti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) turut mengambil bahagian.

Usahawan atau bakal usahawan turut berpeluang menerima khidmat nasihat dan bimbingan menerusi Klinik Usahawan Selangor yang disediakan secara percuma dengan lima kaunselor keusahawanan ditempatkan bertugas setiap hari sepanjang acara berlangsung pada 6 hingga 8 Oktober lalu.

Selain itu, sebagai agensi pembangunan perumahan negeri Selangor, PKNS turut membuka peluang kepada mereka yang berminat mendapatkan rumah pertama menerusi Pameran Rumah Selangorku.

SELBIZ 2023 telah dirasmikan oleh EXCO Keusahawanan, Najwan Halimi di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) pada 7 Oktober.

SELBIZ 2023 berakhir dengan jayanya menerusi pelbagai tarikan termasuk festival kendera saji (food truck), pesta kopi, larian santai serta konsert Gempak@SELBIZ yang menampilkan artis popular termasuk Tomok, Ernie Zakri, Amir Masdi, Floor 88 dan Ara Johari.

SELBIZ medan perkasa usahawan



Najwan (tengah) pada majlis perasmian SELBIZ 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) di sini, 7 Oktober lalu. Beliau diiringi Mahmud (dua, Kiri)

Oleh SUHAILA SHAHRUL ANNUAR
 Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM

SHAH ALAM - Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) menjadi medan pemberdayaan dan memperkasakan usahawan sekali gus memperkukuh ekosistem keusahawanan kondusif dan holistik di negara ini.

SELBIZ yang padat dengan pelbagai pengisian memberi peluang kepada usahawan meneroka dan memanfaatkan jaringan sesama mereka serta agensi keusahawanan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Dato' Mahmud Abbas berkata, memasuki tahun kedua penganjuran, SELBIZ semakin berkembang dengan penglibatan lebih ramai usahawan daripada pelbagai industri termasuk pembuatan, peruncitan dan perkhidmatan.

"Tahun lalu hanya 149 usahawan, tahun ini terdapat 200 usahawan yang

mempromosikan produk mereka di 200 reruai jualan sepanjang tiga hari penganjuran.

"SELBIZ adalah salah satu platform yang disediakan oleh PKNS untuk usahawan berkembang dalam perniagaan mereka bukan saja di Selangor dan Malaysia malah di luar negara," katanya kepada Selangorkini.

Beliau ditemui selepas perasmian SELBIZ 2023 di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC) di sini pada 7 Oktober lalu. Majlis dirasmikan oleh EXCO Keusahawanan, Najwan Halimi.

Mengulas lanjut, kata Mahmud SELBIZ 2023 bukan sahaja memberi peluang kepada usahawan mempromosikan produk malah meluaskan pasaran perniagaan ke peringkat lebih tinggi menerusi padanan perniagaan.

"Usahawan berpeluang menjual produk mereka kepada orang ramai dalam skala lebih luas melalui padan perniagaan yang melibatkan agensi dan pasar raya seperti Matrade, SME Corp,

Agrobank, AEON Big dan Mydin.

"Mereka yang mengambil bahagian juga boleh meluaskan jaringan, mengenal satu sama lain dan belajar daripada kaunselor keusahawanan di Klinik Usahawan Selangor," katanya.

Jelasnya, selain pertambahan penyertaan usahawan terdapat perkembangan memberangsangkan bagi SELBIZ 2023 seperti persembahan produk yang lebih menarik dan berpotensi untuk dieksport.

"Saya juga sungguh teruja dengan budaya usahawan kini yang saling menyokong antara satu sama lain dan tidak lokek berkongsi ilmu. Ekosistem keusahawanan sihat seperti ini menggalakkan perkembangan dan menjana usahawan berjaya," katanya.

Selain itu katanya, sasaran SELBIZ bukan sekadar mempromosi dan memasarkan produk usahawan tetapi melahirkan pelopor usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing.

"PKNS ini bukan saja untuk usahawan tetapi kita membina Selangor dan Malaysia. Kita mahu melahirkan usahawan yang maju dalam bidang masing-masing.

"Mereka ini yang akan mewujudkan peluang pekerjaan, membayar cukai, sewa pejabat dan pelbagai lagi yang menyebabkan ekonomi kita berkembang. Semua ini bermula dengan asas iaitu kita beri pendidikan dan peluang kepada mereka," katanya.

Justeru Mahmud berkata, SELBIZ pada tahun depan disasarkan dalam skala lebih besar bagi memberi peluang kepada lebih ramai usahawan untuk menyertainya.



EXCO Keusahawanan, Najwan Halimi dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas meninjau reruai Kopi Sik Liberica pada SELBIZ 2023 anjuran PKNS di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam



SELBIZ menerusi PKNS mampu melahirkan pelopor usahawan yang berjaya"

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Dato' Mahmud Abbas



Sambutuan hangat SELBIZ 2023

SELBIZ 2023 yang telah berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), Setia Alam pada 6 hingga 8 Oktober 2023 lalu berakhir dengan jayanya apabila menarik hampir 45,000 pengunjung melebihi sasaran awal sebanyak 15,000 orang.

Konvensyen kali kedua anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) itu mencapai matlamat untuk menentang para usahawan dalam memperkenalkan produk masing-masing sekali gus dapat mengembangkan perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

Konvensyen selama tiga hari itu telah dirasmikan oleh EXCO Keusahawanan, Najwan Halimi.

GAMBAR DARI ATAS KIRI

1 Suasana sekitar Ekspo Usahawan Selangor 2023 (SELBIZ 2023) anjuran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Pusat Konvensyen Setia City, Setia Alam yang berlangsung selama tiga hari.

2 Pengurus Pemasaran Jasmin7, Sofihani Farhana Jaafar bersama produknya yang dipamerkan

3 Saiful Bahari Zainal Abidin dan Zarini Ghazali menunjukkan produk sos Aminah Hassan ketika Ekspo Usahawan Selangor 2023.

4 Pengunjung kanak-kanak kelihatan teruja melihat Ezcute robot yang membuat persembahan

5 Eksekutif Pemasaran Digital Sri Talamaz - The Kueh Factory, Amirul Izzat Merican Mohamed Nordin Merican turut berpeluang mempromosikan produk syarikatnya.



Di SELBIZ ada beberapa pihak termasuk agensi kerajaan memberi galakan supaya kami mengeksport produk ke luar negara berdasarkan potensi kami seperti memiliki sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) serta pembungkusan produk yang menarik. Menyertai SELBIZ membuka peluang kami mengembangkan perniagaan hingga ke luar negara."

Pengurus Produk PPFB Sdn Bhd, Muhammad Sharawy Mohd Iqbal




Perancang Pemasaran Got Kimchi Ent, Norhayane Mohamad Azmi



Menerusi SELBIZ lebih ramai pihak mengenali perkhidmatan mesin layan diri 24 jam yang menyediakan hidangan sedia untuk dimakan. Mesin layan diri UncleZamBox dilengkapi ketuhar gelombang mikro yang membolehkan pengguna menikmati makanan segar dan panas dalam masa lima minit."

Pentadbir dan Rakan Usahasama UncleZamBox, Aizat Zainuddin



Memang teruja apabila masuk ke sini, bukan saja ada banyak makanan tetapi tarikan lain seperti tawaran produk pelancongan juga ada."

Walida Mohd Nazri, 34, Setia Alam



Saya ke sini untuk bawa anak-anak. Tak sangka menarik rupanya semua aktiviti yang disediakan. Anak-anak paling teruja kerana mereka boleh cuba pelbagai jenis makanan."

Girijah Rao, 24, Setia Alam





Unggul di Hangzhou

Oleh NADIAH ZAMLUS

Selepas 16 hari berjuang, akhirnya Sukan Asia 2022 Hangzhou melabuhkan tirai pada 8 Oktober. Kontinjen negara menoktahkan saingan dengan enam emas, lapan perak dan 18 gangsa.

Melempi sasarannya 27 pingat, Malaysia menduduki kedudukan ke-14 daripada 45 negara bertanding dalam temasya sukan kedua terbesar dunia itu.

Pencapaian itu nyata melegakan selepas kontinjen negara dikritik hebat berikutan kegagalan mencapai sasaran 40 emas di Sukan SEA Kemboja 2023 pada Mei lepas.

Daripada 11 negara bertanding, Malaysia sekadar di kedudukan ketujuh keseluruhan.

Di China, sukan ekuestrian melakar sejarah dengan kilauan emas pertama negara dalam temasya itu menerusi Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil.

Selepas menyumbang tujuh pingat sejak penampilan sulung Sukan Asia di Bangkok 1998, atlet kelahiran Kuala Lumpur akhirnya menikmati pingat emas yang diidamkan menerusi acara dressage individu.

Pada saingan di Pusat Ekuestrian Tonglu, Qabil Ambak kembali bersama dengan kudanya Rosenstolz, meski menjalani latihan bersama Napoli, kuda lebih muda.

"Napoli lebih muda (10 tahun) dan boleh meraih lebih banyak mata, tetapi tidak mempunyai pengalaman yang cukup untuk temasya besar.

"Penyokong yang ramai dan skrin besar boleh menakutkan kuda. Rosenstolz pula sangat berpengalaman. Saya mengambil risiko yang besar dan hanya berharap juri menyukai persembahan kami," kata Qabil Ambak seperti dilapor Berita Harian.

Mengikuti rekod, Qabil Ambak meraih perak pada edisi 2018 di Jakarta-Palembang, Indonesia selepas mengumpul dua gangsa masing-masing pada edisi 2010 di Guangzhou, China dan edisi 2006 di Doha, Qatar dalam acara sama.

Selepas 28 tahun mengabdikan diri kepada ekuestrian, atlet berusia 43 tahun itu memutuskan tidak menyertai Sukan Olimpik di Paris, tahun depan.

Emas pertama

Emas pertama negara dituai pada hari keempat temasya berlangsung. Atlet pelayaran wanita Nur Shazrin Mohamad Latif mendapat tempat pertama dalam acara ILCA 6.

Wanita berusia 25 tahun itu mendedikasikan pingat berkenaan kepada jurulatih yang juga pengurusnya Abd Aziz Hashim yang meninggal dunia pada Oktober 2021.

Meski bangga mendapat pingat emas berkenaan, namun beliau sedih kerana tidak dapat berkongsi kejayaan itu bersama Abd Aziz yang membimbingnya dalam dunia pelayaran sejak di bangku sekolah.

Allahyarham Abd Aziz sentiasa memberi motivasi kepada Nur Shazrin untuk

meneruskan usaha dalam sukan pelayaran. "Encik Aziz sentiasa ada dengan saya dan beri semangat untuk saya teruskan usaha, dan akhirnya saya dapat pingat emas.

"Tapi saya tak dapat kongsi pingat ini bersama arwah yang macam bapa saya, dan emas ini untuk beliau dan keluarga saya," katanya dipetik Bernama.

Kejayaan anak jati Pekan, Pahang itu membolehkan beliau ke Sukan Olimpik Paris 2024 secara merit dalam acara sama.

Nur Shazrin menjadi atlet pelayaran sejak berumur lapan tahun. Empat adik perempuannya turut menceburi sukan berkenaan.

Nur Afiqah kini jurulatih pelayaran di Pahang manakala Nurliyana atlet bagi kategori laser radial. Dua lagi ialah Nur Syahirah dan Nur Alia Ameerah yang mewakili Malaysia dalam sukan itu bagi kategori optimist.

Bekas penerima anugerah olahragawati Pahang itu turut merangkul emas Sukan SEA Singapura 2015 selain mewakili negara dalam Sukan Olimpik Rio, Brazil dan Tokyo, Jepun.

Tamat kemarau

Acara balapan turut melakar sejarah baharu selepas Muhammad Azeem Fahmi meraih gangsa dalam acara 100 meter (m) lelaki. Kejayaan membanggakan itu turut mengakhiri penantian 41 tahun Malaysia meraih pingat 100m lelaki dalam Sukan Asia.

Kali terakhir Malaysia meraih pingat

DARI KANAN IKUT JAM

Mohd Qabil Ambak

Muhamad Arif Affifudin

Ng Eain Yow

Nur Shazrin Mohamad Latif

S Sivasangari

Aira Azman, Aifa Azman dan Rachel Arnold



Larian bertenaga Muhammad Azeem ketika menghadihkan gangsa acara 100m

acara itu menerusi Datuk Rabuan Pit pada 1982 di Delhi, India.

Berusia 19 tahun, prestasi anak kelahiran Ipoh, Perak itu meningkat hasil latihan keras di Amerika Syarikat.

Tidak ketinggalan, Shereen Samson Vallabouy yang menamatkan penantian 45 tahun memenangi pingat gangsa acara 400m wanita di pentas Sukan Asia.

Kali terakhir negara menggenggam pingat acara menerusi atlet legenda Saik Oik Cum yang meraih emas edisi 1978 di Bangkok, Thailand.

Mengulang pencapaian ibunya Josephine Mary Singarayar yang memperoleh gangsa Sukan Asia di Seoul pada 1986, Shereen mendapat tempat ketiga, dengan catatan masa 52.58 saat (s).

Tiga emas skuasy

Prestasi pasukan skuasy paling membanggakan dalam temasya di China. Separuh daripada enam pingat emas Malaysia pada Sukan Asia kali ini disumbangkan mereka. Kejayaan dicapai pemain perseorangan wanita Sivasangari Subramaniam dan perseorangan lelaki Ng Eain Yow.

Turut menyumbang, pasukan wanita terdiri daripada Rachel Arnold, S Sivasangari, Aifa Azman dan Aira Azman menewaskan juara edisi Jakarta-Palembang 2018, Hong Kong 2-1.



Shereen memenangi gangsa acara larian 400m wanita

Pingat emas keenam kontinjen negara di Sukan Asia 2022 muncul menerusi sukan bela diri karate apabila Muhamad Arif Affifudin Ab Malik mengungguli acara kumite 84 kilogram.

Tampil buat kali pertama di Sukan Asia, atlet berusia 23 tahun itu menewaskan atlet dari Kazakhstan.

Cabaran dan rintangan terpaksa dilalui Muhammad Arif termasuk kecederaan sebulan sebelum Sukan Asia Hangzhou, namun ia tidak melunturkan semangatnya untuk memberikan aksi cemerlang.

Dia juga terpaksa bertarung dengan kesakitan dengan mengambil ubat tahan sakit sepanjang perlawanan.

Pelapis sukan basikal

Skuad berbasikal trek negara 'lulus ujian' selepas menggondol empat pingat gangsa. Awalnya, harapan tinggi diletakkan pada pasukan itu untuk menjadi salah satu penyumbang pingat emas pada temasya berprestij edisi ke-19 kali ini.

Namun, pasukan berbasikal menerima tamparan awal apabila sandaran utama, Datuk Azizulhasni Awang terpaksa menarik diri pada

saat akhir ekoran mengalami kecederaan pada sesi latihan sebelum pertandingan.

Kesempatan itu digunakan sebaik mungkin pelumba lelaki negara, Muhammad Shah Firdaus Sahrom yang menyumbang dua pingat gangsa dalam saingan di Velodrom Pusat Sukan Chun'an Jieshou itu.

Shah Firdaus membuktikan bahawa dirinya layak digelar pelapis 'The Pocketrocket Man' apabila berada di kedudukan podium untuk acara keirin dan pecut.

Selain itu, skuad negara juga meraih pingat gangsa menerusi pecut berpasukan lelaki yang diwakili Umar Hasbullah, Fadhil Zonis dan Muhammad Ridwan Shahrom.

Dalam temasya kali ini, sebanyak 27 pingat disasarkan untuk kontinjen negara seperti diumumkan Ketua Kontinjen Datuk Chong Kim Fatt.

Pengarah Bahagian Atlet Majlis Sukan Negara Jefri Ngadirin berkata keputusan itu mencontohi amalan beberapa negara yang tidak meletakkan sasaran kepada atlet mereka ketika berlangsungnya temasya sukan besar.

Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh berpuas hati dan bangga dengan pencapaian kontinjen Malaysia dalam temasya sukan berkenaan.

Pungutan Pingat Sukan Asia Hangzhou

Emas	6	
Perak	8	
Gangsa	18	
JUMLAH	32	

Pencapaian kontinjen negara di Sukan Asia

Penganjuran	Ranking	Emas	Perak	Gangsa
1954 Manila	0	0	0	0
1958 Tokyo	15	0	0	3
1962 Jakarta	8	2	4	9
1966 Bangkok	4	7	5	6
1970 Bangkok	7	5	1	7
1974 Tehran	17	0	1	4
1978 Bangkok	12	2	1	3
1982 New Delhi	15	1	0	3
1986 Seoul	14	0	5	5
1990 Beijing	10	2	2	4
1994 Hiroshima	9	4	2	13
1998 Bangkok	12	5	10	14
2002 Busan	12	6	8	16
2006 Doha	11	8	17	17
2010 Guangzhou	10	9	18	14
2014 Incheon	14	5	14	14
2018 Jakarta-Palembang	14	7	3	16
2023 Hangzhou	14	6	8	18

Kesungguhan Shah Firdaus Sahrom ketika acara akhir keirin



SIDANG PENGARANG

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Jurufoto kanan:
Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkifli
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Adzhar Maludin
adzharaludin@mediaselangor.com



MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



Karya 'healing' bukan puisi sebenar

Oleh AKMAL UZAIR

Ilustrasi FAHMI MUSTAFFA

Apakah puisi-puisi "healing" layak dianggap sebagai puisi sebenar? Saya pernah membaca puisi-puisi bergenre "healing" karya The Faiz Ibrahim sekitar 2020. Faiz boleh dikatakan antara penulis terawal mempopularkan penulisan puisi "healing" sejak sebelum terma itu sendiri menjadi trend. Saya mengenal puisi secara informal pada awalnya melalui buku puisi dan catatan Faiz yang bertajuk 'Reinkarnasi'. Membacanya tidak mengambil masa lama. Dalam satu malam sahaja saya sudah habis membacanya (saya tidak tidur). Sejujurnya, puisi-puisinya enak kerana ia membawa hal-hal yang mudah dikaitkan dengan diri setiap pembaca (baca: hal-hal umum seperti cinta dan persahabatan).

Puisi-puisi "healing" menjadi begitu popular kerana gaya penulisannya mudah difahami setiap lapisan masyarakat lebih-lebih lagi muda-mudi yang ketagihan katarsis termasuklah diri saya ketika itu. Pembaca puisi "healing" tidak perlu menjalani proses berfikir terlalu rumit untuk memahami-merasainya. Hal ini berlainan puisi-puisi bergenre lain yang berusaha memuatkan pelbagai imej, simbol, metafora dan banyak lagi radas sastra atas nama meningkatkan nilai estetika karya tersebut. Oleh itu, ramailah pembaca terutamanya golongan muda terkejar-kejar mencandui puisi-puisi "healing" bagai orang mengantuk yang disorongkan bantal. Mudah-mudahan memahami puisi-puisi "healing" seperti karya Faiz Ibrahim menyebabkan hati saya berkata, "Oh, macam ini rupanya puisi. Kalau macam ini, aku pun boleh tulis!"

Puisi dan muzik

Sebagai penggemar muzik, saya suka menyamakan situasi ini dengan industri muzik. Kita ada lagu-lagu arus perdana yang hampir semua orang menikmatinya atau paling tidak pun, pernah

mendengarnya, manakala lagu-lagu alternatif/indie pula jumlah pendengar jauh lebih kecil berbanding lagu-lagu arus perdana. Dalam kes ini, puisi "healing" bolehlah dikategorikan sebagai puisi arus perdana dek lambakannya di pasaran manakala puisi-puisi yang berlainan genre daripadanya boleh disinonimkan dengan puisi alternatif yang kurang mendapat sambutan umum.

Puisi-puisi "healing" menggunakan formula serupa dengan lagu-lagu arus perdana untuk memecah-masuk pasaran; bahasa mudah dan paling penting, ia tidak memerlukan tenaga berfikir yang banyak untuk dinikmati. Atas sebab inilah kita senang sekali untuk menghafal lagu-lagu arus perdana dan mendengarnya hampir setiap masa. Maka, terkapai-kapailah puisi alternatif di tengah-tengah lautan puisi "healing" serupa lagu-lagu alternatif diketawakan oleh lagu-lagu arus perdana. Walaupun begitu, hanya kerana puisi "healing" bersifat demikian, tidak bermaksud ia tidak berkualiti. Hal ini tidak pula bermaksud puisi

alternatiflah paling berkualiti. Tidak.

Berbalik kepada soalan yang ditimbulkan pada awal tulisan ini, sebenarnya tidak tepat untuk kita mengatakan puisi-puisi "healing" bukannya puisi "sebenar" hanya kerana ia tidak memerlukan kita untuk berfikir kritis. Hal ini demikian kerana sesuatu yang kita definisikan sebagai "puisi" itu adalah apa yang kita nampak melalui ilmu (pembacaan), pengalaman, dan minat kita sendiri. Saya tidak percaya lagi bahawa kita mampu menentukan

yang mana puisi atau bukan puisi. Sebaliknya, yang ada hanyalah puisi yang baik/unik dan puisi yang bosan/klisè seperti yang dibincangkan oleh Fahd Razy dalam bukunya 'Sains Menulis Puisi'. Lagi pula, kini, puisi telah pun berkembang dan wujud dalam pelbagai bentuk dan kita juga perlu menerima hakikat tidak semua orang membaca atau menulis semata-mata atas nama sastra. Maka, jika penulis puisi-puisi "healing" sendiri menyebut tulisannya itu sebagai puisi, apa hak kita untuk menafikan?

Untuk memudahkan penerimaan kita terhadap kewujudan puisi-puisi "healing" ini, saya fikir ada eloknya kita merenung tulisan Ridhwan Saidi dalam esainya di penghujung buku sajak grotesnya,

'Holokos':

"...jika sesebuah penulisan itu menggunakan bahasa yang hancur tetapi memberi suatu perasaan sebenar, bukankah lebih baik daripada sesebuah penulisan dengan bahasa 'terjaga' tetapi memberi perasaan juvenil yang klisè?"

Melalui pernyataan Ridhwan, kita dapat merumuskan sesuatu; tidak kiralah sesebuah puisi itu muncul dalam apa jua bentuk sekalipun termasuklah apabila ia melawan norma penulisan sedia ada, namun jika mesej/perasaan/ideologi/ isu yang ingin disuarakan penulisnya disampaikan kepada pembaca dengan berkesan, apa salahnya? Jika puisi "healing" terasa sangat dekat di hati seseorang pembaca itu, apa salahnya?

Populariti 'healing'

Penulis-penulis puisi "healing" yang lazimnya memiliki populariti dan akses terhadap pasaran buku yang besar sebenarnya memiliki tanggungjawab besar secara tidak langsung iaitu keupayaan mempengaruhi masyarakat umum. Bak kata Uncle Ben, "*with great power comes great responsibility*". Seperti lagu-lagu arus perdana yang memberi kesan kepada pendengar yang lebih ramai berbanding lagu-lagu alternatif, puisi "healing" lebih berupaya memberi persepsi terhadap masyarakat umum tentang "apa itu puisi?" yakni dari segi bentuk, gaya bahasa, lenggok, mesej dan lain-lain. Hal ini yang perlu ditakutkan.

Jika hanya puisi-puisi "healing" sahaja yang dibaca umum, maka persepsi umum terhadap "apa itu puisi?" menjadi sangat terhad sementara di luar pengetahuan kita, terdapat lebih banyak lagi puisi-puisi yang jauh lebih baik. Tindakan menghadkan diri kita dengan sekadar membaca puisi "healing" tidak lain hanyalah menyempitkan lagi pemahaman kita terhadap "apa itu puisi?" dan mungkin secara tidak langsung "apa itu sastra?".

Buat pembenci puisi "healing", saya faham perasaan anda untuk menjaga nama seni dan sastra tetapi usahlah menjadi 'gatekeeper' untuk insan-insan yang baru menerokai dunia puisi terutamanya remaja/pelajar-pelajar. Mungkin karya-karya sebegini akan mendorong mereka meneroka dunia puisi dengan lebih lagi.

Buat peminat puisi "healing" pula, keluarlah dari kepompong dan sedarlah dunia ini terlalu luas dan hidup ini terlalu singkat untuk sekadar membaca puisi-puisi "healing". Tidak ghairahkah anda untuk menerokai dunia puisi yang teramat luas ini? Kerana menerokai dunia puisi yang teramat luas juga sebahagian fitrah kita sebagai manusia untuk sentiasa menuntut ilmu yang tidak pernah habis di dunia Tuhan Maha Esa ini.

Cerpen, esei dan sajak boleh diikuti pada setiap minggu menerusi pautan selangorkini.my/category/rencana-bm/





Anwar menghulur sumbangan untuk penduduk Palestin yang menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 10 Oktober. Foto BERNAMA

Malaysia bersama perjuangan Palestin

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengulangi pendirian Malaysia untuk terus bersama dalam perjuangan rakyat Palestin yang ditindas rejim Israel.

Beliau berkongsi pandangan itu dengan wakil badan bukan kerajaan antaranya Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia, Cinta Gaza Malaysia, Cinta Syria Malaysia dan Global Peace Mission pada 10 Oktober.

"Saya turut berkongsi usaha kerajaan dalam mengadakan perbincangan dengan pemimpin dunia Islam bagi mencari solusi terbaik untuk meredakan ketegangan di Palestin sekali gus membolehkan bantuan kemanusiaan dan perubatan dibawa masuk," katanya di Facebook.

Anwar juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan mengenai perkembangan mutakhir konflik Palestin dan rejim Israel menerusi perbualan telefon pada 9 Oktober.

Cakna kos sara hidup

RM81 bilion subsidi untuk rakyat

SHAH ALAM - Subsidi untuk rakyat di seluruh negara termasuk elektrik, minyak dan makanan dijangka mencecah RM81 bilion tahun ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengakui angka tersebut tinggi, beliau berkata pengurangan tanpa meneliti keperluan rakyat bukan pilihan kepada kerajaan demi memastikan mereka tidak terbeban dengan kos sara hidup.

Katanya, rasionalisasi subsidi yang sedang dibuat kerajaan pada masa ini penting bagi memastikan orang ramai terus dibantu manakala ekonomi negara kekal ampuh, lapor Bernama.

"Subsidi ayam dan telur RM3.8 bi-

lion tetapi kurangkan subsidi bukan pilihan kerana ia bebaskan rakyat, jadi perlu dasar lebih ampuh kurangkan iaitu rasionalisasi subsidi.

"Dengan jumlah subsidi (tinggi) tidak ada negara mampu bertahan, akan ada yang kurangkan," katanya yang juga menteri kewangan di Kota Kinabalu, Sabah pada 4 Oktober.

Perdana menteri berucap demikian dalam Konvensyen Pengurusan Hal Ehwal Islam Sempena Ijtimak Perdana Agensi Agama Seluruh Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah.

Anwar juga menjelaskan pembatalan rasionalisasi subsidi elektrik untuk satu peratus kelompok terkaya di

negara ini juga tidak membebaskan kerana 99 peratus rakyat tidak terkesan.

Beliau juga meminta Lembaga Tabung Haji supaya mengkaji semua subsidi kos mengerjakan haji kepada golongan berada supaya kemudahan itu dapat dinikmati golongan yang lebih memerlukan.

"Rasionalisasi ini saya minta kepada masyarakat Muslim, paling kaya tidak diberikan subsidi bagi bantu jemaah lain ia diterima baik.

"Ada 400 orang jemaah yang layak subsidi (haji) menolak subsidi supaya tidak bebaskan orang lain bayar kos haji," katanya.

Google, Boeing minat melabur

SHAH ALAM - Ratusan bilion ringgit potensi pelaburan diperoleh sepanjang 17 siri lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ke luar negara sejak menerajui negara.

Mengunjungi negara Asean, China, Amerika Syarikat dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dalam tempoh tersebut, beliau menjelaskan China berminat melabur RM170.07 bilion, lapor Bernama.

Katanya, beliau dan wakil syarikat pengeluar kereta Geely akan ke Tanjung Malim, Perak untuk pelaksanaan projek besar-besaran Automotive High Tech Valley pada 11 Oktober.

Beliau menjawab soalan Ahli Parlimen Gopeng Tan Kar Hing yang mahu hasil lawatan ke luar negara dari segi pelaburan dan kerjasama antara negara di Dewan Rakyat pada 10 Oktober.

Anwar yang juga menteri kewangan turut memaklumkan Ketua Pegawai Eksekutif Tesla Elon Musk juga memberi jaminan ibu pejabat syarikat berkenaan di Cyberjaya dijadual siap bulan ini.

Menjelaskan hasil lawatan ke New York, Amerika Syarikat, beliau memaklumkan potensi pelaburan bernilai RM4.74 bilion termasuk Google, Medtronic dan Alton Industry Ltd.

Group.

"Ini termasuk Boeing dan Airbus kerana seperti kita tahu syarikat ini menetapkan komponen sayap pesawat (keluarannya dibuat) kebanyakan di Malaysia iaitu Negeri Sembilan," katanya.

Anwar berkata lawatan ke UAE pula menghasilkan potensi pelaburan RM40.6 bilion dalam sektor tenaga boleh baharu, logistik dan aeroangkasa.

"Ini suatu perkembangan yang sangat baik kerana di dalam lawatan itu kita mendapat komitmen daripada Presiden UAE Sheikh Mohamed Zayed Al Nahyan Presiden UAE," katanya.

RM1 juta tabung kemanusiaan

SHAH ALAM - Kerajaan akan menyalur RM1 juta serta-merta untuk tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dikendalikan Kementerian Luar berikutan konflik di Semenanjung Gaza.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menjelaskan ia langkah segera dalam menghulur sumbangan kemanusiaan kepada rakyat Palestin, lapor Bernama.

"Kerajaan akan terus memudah cara urusan penyaluran bantuan kepada rakyat Palestin dengan kadar segera," katanya di Dewan Rakyat pada 9 Oktober.

Beliau juga meminta ahli-ahli parlimen untuk menghulur sumbangan ke tabung berkenaan yang disediakan di lobi Parlimen sebagai tanda solidariti kepada perjuangan rakyat Palestin.

Menegaskan pendirian Malaysia jelas dan konsisten dalam isu Palestin, Zahid berkata dasar luar tidak akan berubah selagi hak mutlak Palestin tidak dikembalikan.

Elak salah tanggap terhadap Islam

SHAH ALAM - Pemahaman yang tepat meningkatkan keyakinan umat terhadap agama dan menjernihkan fikiran golongan bukan Islam seterusnya mengelak salah tanggapan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim percaya Islam membawa kebahagiaan hakiki kepada setiap insan tanpa mengira kaum dan kedudukan jika mematuhi panduan al-Quran dan hadis.

"Keindahan Islam hanya dapat dirasai sekiranya seseorang itu benar-benar memahaminya, mengamali serta menghayati setiap kandungan ajarannya yang sejati," katanya seperti dilapor Bernama.

Sita kilang sorok 180 tan metrik beras

SHAH ALAM - Sebuah kilang beras di Kedah disita kerana disyaki menyorok 180 tan metrik beras putih tempatan dianggar bernilai RM405,000 dalam operasi pada 9 Oktober.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Chan Foong Hin menjelaskan pemeriksaan mendapati beras berkenaan disorok dalam gudang yang tidak dinyatakan dalam lesen.

"Buat masa ini, lokasi dan nama syarikat kilang itu tidak boleh didedahkan supaya tidak mengganggu kes yang masih dalam siasatan.

"Pada Sabtu lalu (7 Oktober), Kawalselia Padi dan Beras ada melakukan operasi dan menyita beras di sebuah kilang di sini," katanya selepas menyertai operasi pemantauan seperti dilaporkan Bernama.

Kes berkenaan disiasat bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Kilang-Kilang Padi) 1996.

Foong Hin juga memberi amaran kepada semua pihak supaya mematuhi undang-undang berikutan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan bertindak tegas terhadap mereka yang ingkar.

Katanya, pemeriksaan dibuat ke atas lapan pemborong dan enam pengilang beras di Kedah bagi mengesan kegiatan menyorok beras, menukar kimpit dan mencampur beras putih tempatan dan beras putih import.

2,594 kawasan berisiko banjir

SHAH ALAM - Sebanyak 2,594 kawasan di seluruh negara berisiko banjir pada musim tengkujuh kali ini berdasarkan statistik bencana yang direkod pada tahun lepas dan tahun sebelumnya.

Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) menjelaskan pemantauan berkala dibuat jika cuaca tidak menentu atau hujan berpanjangan melebihi tahap biasa.

Justeru, Datuk Aminurrahim Mohamed menambah semua aset diselenggara mengikut jadual bagi me-

astikan APM sentiasa bersedia dan ia dapat digunakan semasa operasi, lapor Bernama.

"APM mempunyai 753 bot dengan kelengkapan enjin dan 481 kenderaan darat seperti pacuan empat roda, ambulans dan lori seberat lima tan yang sedia digunakan semasa bencana," katanya.

Beliau menambah 10,510 pegawai dan anggota di seluruh negara diberi latihan untuk memastikan mereka bersedia sedia bagi menghadapi Monsun Timur Laut yang dijangka bermula No-

vember.

Menjelaskan kemudahan sedia ada ditambah baik, beliau berkata sebanyak 6,192 pusat pemindahan sementara termasuk sekolah dan dewan disediakan dan ia boleh menampung lebih 1.6 juta mangsa.

Aminurrahim turut mengingatkan orang ramai supaya sentiasa peka perkembangan cuaca daripada sumber yang sahih serta bersiap sedia untuk berpindah apabila diarah pihak berkuasa.

Atasi isu kekurangan guru

Tambahan 9,500 tenaga pengajar

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan membuat pengambilan 9,500 guru baharu pada November bagi mengatasi masalah kekurangan guru pada masa ini.

Menjelaskan kekurangan tenaga pengajar itu bersifat sementara, Menteri Fadhlina Sidek berkata proses temu duga telah selesai dan penempatan segera akan dibuat, lapor Bernama.

"Isu kekurangan guru berlaku bila

ada persaraan dan berhenti, kita akan cepat-cepat ganti.

"Proses dapatkan guru dilaksanakan bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) segera mungkin bagi memastikan kekosongan itu bersifat sementara," katanya.

Beliau bercakap demikian ketika merasmikan Karnival Agrotek Madani di Kolej Vokasional Pasir Puteh yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Pkharuddin Ghazali pada 7 Oktober.

Fadhlina juga menjelaskan kerja penyelenggaraan tandas sekolah 90

peratus melalui pemantauan Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.

"Kita jangka hujung Oktober akan dapat kenal pasti angka secara tepat, sekarang semua sedang berjalan. Alhamdulillah ada juga yang telah siap dilaksanakan," katanya.

Julai lalu, kementerian memberi tempoh tiga bulan untuk menyelesaikan kerja penyelenggaraan tandas demi keselesaan pelajar menerusi dana RM70,000 yang diagih kepada setiap sekolah.





MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

- Tender adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/JKP/66/2023	CADANGAN PEMBAHARUAN MANFAAT PERLINDUNGAN KAKITANGAN UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TEMPOH 36 BULAN	MOF (221801 - SYARIKAT INSURAN @ 221802 - BROKER INSURAN) DAN LESEN BANK NEGARA DAN UPEN	RM 200.00
- Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh dibeli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **23 Oktober 2023** hingga **14 November 2023** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat-syarikat yang membawa sijil asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa taklimat dan pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Lesen Bank Negara dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.
- Syarikat-syarikat adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya petender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Petender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh	: 23 Oktober 2023
Masa Pendaftaran	: 10.00 - 10.30 Pagi
Masa Taklimat	: 10.30 Pagi
Tempat berkumpul	: Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang
Nota	: Kegagalan syarikat hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan syarikat tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini
- Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00** Tengahari pada **14 November 2023**.
- Syarikat-syarikat yang **tidak menerima sebarang jawapan selepas empat (4) bulan** dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap tawaran **tidak berjaya**. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Suhu meningkat akibat pemanasan global

SHAH ALAM - Fenomena El Nino dijangka lebih ekstrem susulan peningkatan suhu dan pengurangan taburan hujan di seluruh negara pada tahun ini akibat faktor pemanasan global dunia.

Menteri sumber asli, alam sekitar dan perubahan iklim berkata El Nino lazimnya memberi kesan terhadap corak cuaca negara ketika fasa akhir Monsun Timur Laut dan musim selepasnya.

Nik Nazmi Nik Ahmad menjelaskan fenomena sedemikian dapat dilihat seperti yang berlaku pada 1997 hingga 1998 dan 2015 hingga 2016, lapor Bernama.

"Mesyuarat diadakan untuk melapor status cuaca, tinjauan cuaca, kualiti udara, merancang tindakan dan

strategi bagi mencegah pembakaran terbuka serta jerebu," katanya lagi.

Beliau berucap ketika merasmikan Forum Iklim Kebangsaan 2023 'Waspada El Nino Hadapi Monsun Timur Laut' menerusi Facebook Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) pada 10 Oktober.

Nik Nazmi menambah beberapa langkah juga dibuat antaranya mengaktifkan Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan memperkasa pemantauan melalui Program Pasukan Pemantau Pencemaran.

Katanya lagi, MetMalaysia juga membangunkan sistem ramalan awal bagi memantau risiko berlaku kebakaran hutan dan tanah gambut dikenali sebagai Sistem Risiko Bahaya Kebakaran.



TEGAS... Kakitangan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merobohkan struktur tambahan yang dibina tanpa kebenaran di luar sebuah restoran di Putra Height, Subang Jaya pada 10 Oktober. Foto Facebook MBSJ

Tiada bayaran turap jalan kediaman

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tidak mengenakan sebarang bayaran kepada pemilik bagi kerja penurapan di laluan keluar masuk kediaman oleh kontraktor lantikan.

Menurut MBPJ, pihaknya ada menerima aduan kontraktor luar yang meminta bayaran daripada penduduk dan mengeluarkan notis makluman sekiranya penurapan dijalankan di sesebuah kawasan.

"Penduduk dinasihati tidak memberi bayaran kepada sesiapa yang mengambil kesempatan menawarkan perkhidmatan seperti menurap jalan masuk di depan rumah.

"Untuk makluman jalan masuk ke rumah akan diturap secara percuma oleh MBPJ," kata kenyataan pada 4 Oktober.

Penduduk juga boleh melaporkan terus aduan kepada polis atau Unit Aduan MBPJ menerusi talian aduan 03-7954 2020 atau e-mel kepada aduan@mbpj.gov.my untuk tindakan lanjut.

PKNS sasar pendapatan RM8 bilion pada 2030

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyoar pendapatan tahunan meningkat kepada RM8 bilion menjelang 2030 melalui pelaburan, pembangunan dalam bidang hartanah dan stesen janakuasa.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Dato' Mahmud Abbas berkata aset seperti kompleks perniagaan, pusat konvensyen, hotel dan pusat kesihatan termasuk hospital menyumbang kepada jumlah berkenaan.

"Pendapatan PKNS setiap tahun sekitar RM2 bilion dan kita ada satu visi iaitu menjelang 2030, kita jangka pendapatan meningkat kepada RM8 bilion.

"Jumlah ini datang daripada pelaburan projek stesen janakuasa mulai pertengahan 2024 di Pulau Indah, sewa

bangunan, jualan rumah mampu milik dan pelbagai perniagaan yang kami ceburi," katanya pada 5 Oktober.

Beliau menambah visi tersebut juga menjadikan PKNS sebuah organisasi gergasi korporat yang akan membantu Kerajaan Negeri untuk memperkasa rakyat melalui rangkaian program.

"Pendapatan PKNS dalam pelbagai bidang digunakan membantu Kerajaan Negeri melalui program seperti sukan tajaan PKNS seperti Kejohanan Piala Sultan Selangor dan Golf Selangor Masters.

"Selain itu, dalam sektor keusahawanan, kita anjurkan Ekspo Usahawan Selangor (SELBIZ) untuk membantu usahawan yang ingin memulakan perniagaan," katanya.

Perluas program asing sampah seluruh PBT

SHAH ALAM - Program pengasingan sampah kitar semula akan diperluas ke seluruh pihak berkuasa tempatan (PBT) mulai tahun depan, kata EXCO kerajaan tempatan.

Ng Suee Lim menjelaskan perkara tersebut memerlukan perancangan sistematik dan dijayakan secara berperingkat mengikut PBT.

Beliau memuji langkah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang melaksanakan program kitar semula termasuk bekerjasama dengan syarikat luar.

"Tahun depan kita akan perluas

amalan pengasingan sampah kitar semula ke seluruh PBT kerana tindakan ini dapat mengurangkan kira-kira 10 peratus daripada sampah yang dihasilkan.

"Harap PBT lain cakna mengenai perkara ini termasuk kita juga akan berusaha untuk memberi galakan dan mendidik orang awam agar melakukan amalan kitar semula," katanya.

Suee Lim menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara MBSA bersama Nestle Malaysia dan KPT Recycles Sdn Bhd di Pusat Konvensyen MBSA pada 5 Oktober.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN TENDER

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	JPS/P/SEL/SG/11/2023 PROJEK PENSTABILAN DAN PENGUKUHAN TEBING SUNGAI PENCHALA DI PETALING JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN (FASA 2)	BUMIPUTERA	Berdaftar dengan CIDB dan memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Gred : G7 Kategori : CE Pengkhususan : CE 21 & CE 36 Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Kaunter Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Negeri Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. 23hb Oktober 2023 hingga 13hb November 2023	RM650.00 Pengaruh Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Pembelian dokumen tawaran secara online di laman web https://tender.selangor.my/)	Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Negeri Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor 13hb November 2023 (Isnin) Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada **19hb Oktober 2023 (Khamis)** jam 10.00 pagi. Tempat Berkumpul: **Dewan Kenanga, Pejabat Daerah Petaling, No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**

Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakili pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Aduan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PKK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi sijil-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam laman web Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.

Baiki kemudahan masjid, rumah

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) mengagih RM125,540 bagi menampung kos pembinaan dan baik pulih institusi agama termasuk rumah penduduk di Felda Gedangsa, Hulu Selangor.

Menurut kenyataan pada 6 Oktober, sebanyak RM10,000 disalurkan kepada Masjid al-Makmur dan Surau Kampung Bahagia Felda Gedangsa (RM29,540) bagi menampung kerja membaik pulih.

"Sumbangan disampaikan Ketua Jabatan Pengurusan Operasi Agihan Daerah Zainudin Johari bagi memastikan keselesaan dan kemudahan umat Islam di Felda Gedangsa beribadah," kata LZS.

LZS turut menyerahkan dua bantuan baik pulih rumah kepada penduduk berjumlah RM86,000.

153 dapat bekerja pelbagai sektor

SHAH ALAM - Seramai 153 daripada 907 individu yang menghadiri temu duga melalui empat siri Jelajah JobCare anjuran Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) diterima bekerja dalam pelbagai sektor.

Ketua Penyelarasnya S Vijayan menjelaskan 481 individu turut dipanggil menghadiri temu duga kali kedua sejak jelajah bermula 26 Ogos.

"Sambutan sangat menggalakkan yang menyaksikan orang ramai terutama pencari kerja dan graduan universiti tidak melepaskan peluang menyertai jelajah ini di lokasi berhampiran mereka.

"Di setiap lokasi, lebih 3,000 peluang pekerjaan disediakan membabitkan penyertaan keseluruhan 81 majikan. Kami berterima kasih kepada majikan yang memberi kerjasama menjayakan jelajah ini," katanya pada 5 Oktober.

Pendamai pasangan bermasalah

SHAH ALAM - Pemimpin masyarakat berperanan sebagai perantara dalam proses sulh (perdamaian) peringkat awal kepada pasangan bermasalah.

EXCO Perpaduan Datuk Rizam Ismail berkata inisiatif yang diperkenalkan negeri pada 2001 membantu penyelesaian secara baik sekali gus mengelak kes dibawa ke mahkamah syariah.

"Selangor merupakan pereraju dalam usaha ini. Sebelum ini, hanya kita yang melaksanakan proses sulh pada peringkat awal.



"Saya harap peserta dapat gunakan ilmu untuk bantu selesaikan masalah rumah tangga. Selangor memiliki kes masalah rumah tangga tertinggi dan kita mahu elak ia berlarutan," katanya.

Beliau merasmikan perasmian Kursus Asas Komuniti Sulh dan Rakan Bahagian Sokongan Keluarga di Hotel Mardhiyyah di sini pada 4 Oktober.

Program anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan Unit Perancang Ekonomi Negeri itu disertai 47 pemimpin masyarakat dari seluruh daerah.

Sementara itu, ketua hakim syarie Selangor berkata proses sulh di peringkat awal membantu mengurangkan sehingga 50 peratus kes rumah tangga di mahkamah syariah.

Menurut Dato' Mohammad Adib Husain perkara itu disumbang oleh keyakinan pemimpin tempatan dalam menangani kes pertikaian pasangan yang dipelajari menerusi kursus serta latihan.

"Memang ada perubahan positif. Sulh di peringkat awal ini membantu kes tidak dibawa ke mahkamah sehingga 50 peratus. Kita bantu elakkan perceraian," katanya.

KDEBWM, UUM jalin kerjasama

Perkukuh strategi pengurusan sisa

Oleh **ZAREFF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - KDEB Waste Management (KDEBWM) bekerjasama dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi membuat kajian operasi pengurusan sisa dan pembangunan pusat kitar semula baharu di Selangor.

Pengarah urusan KDEBWM berkata sokongan kewangan dalam bentuk geran disediakan kepada Sekolah Teknologi, Pengurusan dan Logistik (STML) UUM untuk menjalankan penyelidikan selama setahun.

Dato' Ramli Mohd Tahir menjelaskan tiga penyelidik universiti itu terlibat dalam

kaedah kajian kualitatif dan kuantitatif meliputi pengumpulan data, temu bual dan lawatan tapak.

"Penting untuk KDEBWM buat kajian supaya kita dapat data yang betul untuk memantapkan strategi operasi pengurusan sisa dan kitar semula.

"Diharap kaedah kajian digunakan membantu kita mengenal pasti lokasi baharu sesuai untuk pembinaan lapan lagi pusat kitar semula sebagai tambahan kepada empat sedia," katanya.

Memorandum persefahaman (MoU) itu dimeterai di Pusat Konvensyen Shah Alam di sini pada 6 Oktober. UUM diwakili Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Ru-

ssayani Ismail.

Sementara itu, Dr Russayani berkata pengumpulan data kajian akan melibatkan semua pemegang taruh KDEBWM, masyarakat dan pemain industri di Selangor bagi mencapai keputusan terbaik.

"Kami berterima kasih kepada KDEBWM kerana memberi kepercayaan mengendalikan kajian ini. Kami akan kepakaran daripada segi teori, manakala KDEBWM ada pengalaman praktikal.

"Insya-Allah, gabungan kedua-dua gabungan ini diyakini dapat menghasilkan keputusan terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul dalam industri demi kebaikan masyarakat," katanya.





Air Selangor
PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER		
Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	APPOINTMENT OF DEBT COLLECTING AGENCIES (DCA) FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD FOR 3 YEARS
2.	PN0000016335	UPGRADING AND REHABILITATION WORKS AT KELAU DAM, PAHANG
3.	PN0000016167	SUPPLY AND INSTALLATION OF FLOWMETER (DN3000), REFURBISHMENT OF BANDSCREENS, UPGRADING OF WATER LUBRICATION SYSTEM AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SEMANTAN INTAKE, PAHANG
4.	PN0000016168	IMPROVEMENT WORKS OF RAW WATER PUMP'S MOTOR BY USING MEDIUM VOLTAGE DRIVE (MVD) AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SEMANTAN INTAKE, PAHANG
5.	PN0000016354	REHABILITATION AND UPGRADING OF RESIDUAL TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT BATANG KALI WATER TREATMENT PLANT
6.	PN0000015432	PROPOSED INTERCONNECTION WORKS AT PERSIARAN BATU BELAH AND JALAN HAJI SIRAT, KLANG

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.

Didik pekerja bersikap telus

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjalin kerjasama strategik bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor bagi memperkukuh integriti.

Ketua pegawai eksekutif PKNS berkata pihaknya berusaha mendidik kakitangan mengamalkan sikap telus dan beretika dalam menjalankan operasi pentabiran serta kegiatan harian perniagaan.

"SPRM akan membantu PKNS membaiki tatakelola buat seluruh warga kerja kami melalui bimbingan program atau latihan meningkatkan amalan tadbir urus yang baik.

"Kami juga sedia memberi kerjasama mem-

bantu SPRM dalam siasatan berkaitan isu rasuah melibatkan warga kerja kami sekiranya ada laporan dibuat," kata Dato' Mahmud Abbas.

Beliau menyempurnakan serahan notis kerjasama strategik kepada Pengarah SPRM Selangor Dato' Alias Salim dalam program Konferensi Integriti PKNS 2023 di sini pada 5 Oktober.

Mahmud berkata seramai 300 peserta terdiri daripada warga kerja PKNS daripada 13 anak syarikat, kontraktor, perunding dan pembekal menyertai seminar berkenaan.

Beliau menjelaskan program tersebut bertujuan memberi kefahaman mengenai integriti dan rasuah selain mendengar perkongsian dan saranan Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Selangor.





SEMANGAT... Pemain Harimau Malaya berlatih menjelang aksi pertama Pestabola Merdeka bertemu India di Kelana Jaya, Petaling Jaya pada 9 Oktober. Foto Persatuan Bolasepak Malaysia

Hargai atlet cemerlang

Ganjaran tunai raih pingat Asia

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Ganjaran wang tunai menanti atlet Selangor yang menyumbang pingat pada temasya Sukan Asia ke-19 di Hangzhou, China.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata atlet yang merangkul emas memperoleh insentif RM10,000, perak (RM7,000) dan gangsa (RM5,000).

"Ganjaran ini untuk mengiktiraf kejayaan atlet Selangor yang mengharumkan nama negara. Pada temasya sukan ini, seramai 38 atlet Selangor mewakili negara untuk beberapa jenis sukan.

"Masih ada beberapa atlet belum bertanding dan kita harap ada pertambahan pingat. Setakat ini tiga atlet Selangor memenangi pingat," katanya pada 4 Oktober.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor Mohamad Nizam Marjuki bangga dengan persembahan 39 atlet negeri yang beraksi di Sukan Asia.

Katanya, hampir 70 peratus merupa-

kan atlet muda dan berpotensi untuk mewakili negara dan menyumbang pingat dalam kejohanan akan datang.

"Jika dilihat pada prestasi keseluruhan penglibatan mereka dalam kontinjen negara telah membantu menterjemahkan sasaran pungutan negara.

Dengan sokongan semua pihak, program pembangunan sukan yang dirancang akan dapat dilaksanakan bagi memastikan kita tidak ketandusan atlet yang berpotensi untuk mewakili negara," katanya.

Atlet Selangor yang menyumbang pingat Sukan Asia adalah Nur Afrina Batri-syia Mohamad Rizal (olahraga

4x100 wanita), Addeen Idrakie dan Yuen Chee Wern (skuasy berpasukan lelaki) serta Muhammad Fadhil Mohd Zonis (berbasikal trek pecut berpasukan lelaki).

Selepas 16 hari, Malaysia melepasi sasaran 27 pingat mengutip enam emas, lapan perak dan 18 gangsa.

Pencapaian itu melegakan selepas kontinjen negara dikritik kerana gagal mencapai sasaran 40 emas di Sukan SEA Kemboja 2023 pada Mei lepas.



Format Pestabola Merdeka kekal

SHAH ALAM - Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) mengekalkan format pertandingan Pestabola Merdeka 2023 walaupun kejohanan itu kini disertai tiga pasukan iaitu Malaysia, India dan Tajikistan.

Keputusan itu dibuat selepas Palestin terpaksa menarik diri kerana tidak dapat terbang ke Kuala Lumpur ekoran situasi tegang di negara berkenaan ketika ini.

"Perubahan format tersebut adalah solusi terbaik yang telah dicapai pada mesyuarat khas di antara FAM selaku penganjur Pestabola Merdeka 2023 bersama pengurusan pasukan India dan Tajikistan selepas mengambil kira kekangan masa berikutan penarikan diri pasukan Palestin," katanya dalam kenyataan pada 10 Oktober.

FAM berkata perlawanan pada Jumaat, 13 Oktober hanya melibatkan Malaysia dan India di Stadium Nasional, Kuala Lumpur manakala Tajikistan mendapat 'bye' dan terus layak ke perlawanan akhir pada Selasa, 17 Oktober.

Sementara itu, untuk bersikap adil kepada kira-kira 25,000 penyokong, FAM turut mengekalkan harga tiket bagi semua kategori walaupun hanya satu perlawanan berlangsung pada 13 dan 17 Oktober.

Untuk kejohanan ini, tiket hanya dijual secara dalam talian dan boleh dibeli di pautan bit.ly/tiketpestabola



KENYATAAN SEBUTHARGA

BAGI MEMBEKAL, MEMASANG SIAP, MENGUJI DAN MENGHANTAR KENDERAAN KEPADA KDEB WASTE MANAGEMENT SDN.BHD.(103002-H)

KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (103002-H), sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Selangor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor secara holistik.

Pembekal adalah dipelawa daripada pengilang-pengilang atau kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan untuk;

Bil.	Nama Sebutharga/Jenis Kenderaan/Keperluan Ringkas	Harga Dokumen Bagi Setiap Set	Tempoh Jualan Dokumen	Kotak	Tarikh Tutup
1	Sebutharga bagi membekal, memasang siap, menguji dan menghantar "12ft Arm Roll Truck" lengkap dengan casis dan aksesori kepada KDEB Waste Management Sdn.Bhd.(103002-H)	RM1,000.00	12 hingga 13 Oktober 2023 (9:00 pagi hingga 5:00 petang)	A	Sebelum jam 5:00 petang 25 Oktober 2023 (Rabu)

Pembayaran bagi setiap set dokumen sebutharga yang dibeli boleh menggunakan wang tunai beserta dengan cop syarikat dan dokumen sebutharga akan mula dijual mengikut tempoh masa seperti yang telah ditetapkan di atas pada waktu pejabat di alamat berikut;

KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD. (103002-H)
ARAS 18, MENARA BANK RAKYAT SHAH ALAM
NO. 1, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-5511 4344

Dokumen Sebutharga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **DUA (2)** sampul surat **berasingan** bermeteri dan ditulis dipenjurukan atas sebelah kiri Nama Sebutharga (seperti tertera pada dokumen sebutharga) dan dimasukkan ke dalam **KOTAK "A"** seperti yang tertera di atas di alamat berikut:

KDEB WASTE MANAGEMENT SDN. BHD. (103002-H)
ARAS 18, MENARA BANK RAKYAT SHAH ALAM
NO. 1, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN
TEL : 03-5511 4344

Nota: Sila pastikan dokumen sebutharga yang telah lengkap dihantar sebelum tarikh tutup dan masa yang telah ditetapkan seperti di atas bagi mengelakkan sebutharga anda ditolak.



NG SZE HAN
Kinrara

bertemu penduduk setempat
di Kampung Kenangan
Puchong, Subang Jaya



NAJWAN HALIMI
Kota Anggerik

menghadiri majlis penutup
bimbingan niaga di Hotel
Crystal Crown, Shah Alam



NG SUEE LIM
Sekinchan

menyampaikan sumbangan
komputer riba kepada pelajar
di pejabat DUN beliau



DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

mengikuti program
berbasikal di Sungai
Buaya, Hulu Selangor



MARIAM ABDUL RASHID
Meru

mengedar kuih bulan
di pasar pagi pekan
Kapar, Klang



SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

menyerahkan baucar
Jom Shopping kepada
penduduk DUN beliau



LIM YI WEI
Kampung Tunku

merayakan pesta tanglung
bersama penduduk
di Petaling Jaya



PUA PEI LING
Bukit Lanjan

mengagih kuih bulan
kepada pengunjung
pasar di DUN beliau

Patuh syarat PBT, elak dikompaun

SHAH ALAM - Pemilik premis makanan dan restoran sekitar Balakong diingatkan supaya memasang sistem perangkap minyak seperti disyarat pihak berkuasa tempatan (PBT).

Wakil rakyatnya Ong Chun Wei menjelaskan langkah itu bagi mengelak pengusaha dikenakan tindakan kompaun atau notis peringatan sekiranya pemeriksaan dilakukan PBT.

"Sebenarnya pemasangan sistem



perangkap minyak antara syarat wajib untuk mendapatkan lesen. Jadi saya ingatkan (pemilik premis) patuh arahan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj).

"Jika pemeriksaan mendapati tidak pasang, (pemilik premis) boleh kena tindakan sama ada kompaun atau notis peringatan," katanya pada 10 Oktober.

Pada 3 Oktober, beliau meninjau keadaan longkang didakwa tersum-

bat berikutan dipenuhi sisa minyak dan makanan di Taman Berjaya, Kajang.

Pemeriksaan mendapati sisa terbabit yang melimpah apabila hujan lebat berpunca dari premis berhampiran yang gagal memasang perangkap minyak hingga mengundang bau busuk dan mencacatkan pemandangan.

Chun Wei menambah orang ramai harus mempunyai kesedaran dalam hal berkenaan walaupun pembersihan longkang dilakukan secara berjadual oleh KDEB Waste Management.

Peluang lihat koleksi trofi, pingat

Pameran Anak-Anak Sidek Disember

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Pameran Anak-anak Sidek bakal menemui orang ramai khususnya peminat badminton negara pada Disember ini di Muzium Sultan Alam Shah di sini.

EXCO kebudayaan berkata pameran itu memberi peluang orang ramai melihat koleksi trofi dan pingat milik anak Allahyarham Dato' Sidek Abdullah Kamar seperti Misbun, Jalani dan Rashid.

Menurut Borhan Aman Shah, pengunjung juga boleh mendapat inspirasi perjalanan hidup Allahyarham yang membesar dan mendidik anak-anaknya

menjadi pemain badminton tersohor.

"Persiapan kini pada peringkat akhir dan keluarga Sidek setuju untuk meminjamkan sementara semua piala dan pingat untuk dipamer.

"Kita juga meletak komik serta gambar anak-anak Sidek sejak kecil. Pengunjung boleh mengimbas kod bar melalui gambar tersebut untuk mendapatkan maklumat," katanya pada 3 Oktober.

Wakil rakyat Tanjong Sepat juga merancang menjadikan koleksi trofi dan pingat keluarga Sidek sebagai warisan sejarah dengan mempamerkannya di



muzium tersebut.

"Kita cadang melawat ke rumah Datuk Sidek di Kanchong Darat, Banting dalam masa terdekat. Ada beberapa perkara kita mahu lihat terutama barangan atau pakaian lama keluarga Sidek.

"Kita akan bincang kemudian sama ada keluarga mahu hadiahkan kepada muzium atau mungkin Kerajaan Negeri membelinya," kata beliau.

Misbun, Razif, Jailani, Rahman dan Abdul Rashid adalah lima beradik yang melakar sejarah penting dalam sukan badminton di peringkat dunia termasuk memenangi Piala Thomas.

Tiada bayaran lawat bangunan sejarah

SHAH ALAM - Selangor tidak berhasrat mengenakan bayaran kepada pengunjung yang melawat bangunan bersejarah yang diwartakan Kerajaan Negeri, maklum EXCO kebudayaan.

Borhan Aman Shah berkata hanya Muzium Permainan Tradisional di Kuala Selangor dikenakan caj RM3 seorang mulai Jun lalu berikutan kos selenggara dan alatan yang tinggi, lapor Sinar Harian.

"Selepas ini, kita tidak berniat untuk mengutip caj di bangunan bersejarah lain yang telah diwartakan melainkan hanya di Muzium Permainan Tradisional (Bukit Melawati)," jelasnya.

Beliau berkata antara bangunan warisan yang diwarta ialah Gedung Raja Abdullah, Klang dan Istana Bandar, Banting sementara hospital kusta dan warisan kapal korek di Dengkil dalam perancangan.

Dalam pada itu, Borhan berkata Selangor bersedia menjadi hab untuk penggiat seni tempatan menyerlahkan identiti dan keperibadian budaya setara nilai sumbangan bidang lain.

"Selangor berlapang dada untuk menjadikan negeri ini sebagai hab budaya supaya kita dapat memberikan impak besar bukan sahaja untuk ekonomi negeri tetapi untuk negara," katanya.

Mohon tambah baucar Jom Shopping

KLANG - Ahli Dewan Negeri Sentosa Dr G Gunaraj mahu memohon tambahan baucar Jom Shopping Deepavali bagi memenuhi keperluan penduduk beragama Hindu berpendapatan rendah dan sederhana.

"Setakat ini kita terima 650 baucar, angka ini tidak cukup kerana



pengundi di sini ada 90,000 dan 50 peratus daripadanya kira-kira 45,000 adalah pengundi India.

"Saya harap pemberian baucar kali ini boleh ditingkat kepada 1,000 supaya ramai dapat manfaat sekaligus meringankan beban dalam membuat persiapan Deepavali," katanya pada 8 Oktober.

Belanjawan Selangor 2023 memperuntuk RM16.48 juta bagi program pemberian baucar Jom Shopping bernilai RM200 sempena perayaan yang bakal memanfaatkan 82,400 penerima.

Selain Deepavali, program bantuan tersebut turut diberi kepada keluarga kurang berkemampuan untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Tahun Baharu Cina membeli barangan keperluan.

Ringan beban sambut Deepavali

SHAH ALAM - Sebanyak 50 pek makanan asas disumbang kepada masyarakat India berpendapatan rendah sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Templer sempena sambutan Deepavali pada bulan depan.

Wakil rakyatnya Anfaal Saari berkata agihan berkenaan bagi meringankan beban golongan sasar dibuat di Pangsapuri Nuri, Gombak dan pekarangan pusat khidmat masyarakat DUN terbabit.

"Kami berharap sumbangan ini dapat memberi sedikit keselesaan kepada keluarga memerlukan. Terima kasih kepada semua yang terlibat dalam usaha ini.

"Bersama-sama kita saling bantu membantu dalam komuniti kita. Teruskan memberi sokongan dan kasih sayang," katanya di Facebook pada 4 Oktober.

Bekal susu, vitamin bantu tumbesaran

SUBANG JAYA - Seramai 100 kanak-kanak malnutrisi (kurang zat) sekitar parlimen Puchong disasar menerima bekalan susu tepung dan pelbagai jenis vitamin selama setahun bagi tumbesaran.

Wakil rakyatnya berkata inisiatif menerusi Kiddo Food Bank menumpukan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah yang mengalami masalah bantut, kurang berat badan dan susut.

Menurut Yeo Bee Yin, usaha itu dibuat berikutan 35 peratus daripada 228 kanak-kanak bawah enam tahun yang disaring dalam program Jom Sihat, Jun lalu mengalami masalah berkenaan.

"(Berikutan itu, pusat khidmat) akan membekalkan bekalan susu tepung bernutrien dan multivitamin setiap bulan dan pertumbuhan mereka direkodkan dalam aplikasi Puchong Homies.

"(Ini) bagi memantau tumbesaran dan memastikan anak-anak ini membesar dengan sihat dan menjamin perkembangan kognitif," katanya pada 8 Oktober.

Daftar air percuma di jualan murah

GOMBAK - Penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua mendaftar Skim Air Darul Ehsan (SADE) di kaunter Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dalam program jualan murah pada 4 Oktober.

Pengurus Pusat Khidmat DUN Maimon Misman berkata wakil syarikat bekalan air itu membantu proses pendaftaran dan memberi penerangan mengenai skim air percuma yang disediakan Kerajaan Negeri.

"Biasanya setiap program jualan murah di DUN Sungai Tua ramai pengunjung akan hadir, jadi Air Selangor buka kaunter bagi tujuan pendaftaran.

"Lebih 60 pengunjung mendaftar selain ramai yang mendapatkan borang untuk permohonan. Mereka teruja selepas mengetahui manfaat skim berkenaan."

selangorkini



Cerpen, puisi & esei
**HADIAH SASTERA
SELANGOR
2023**

terbit setiap Sabtu dan Ahad
di portal selangorkini.my

Bangga kejayaan pelumba muda

SHAH ALAM - Kejayaan pelumba motosikal 190cc, Emil Idzhar Ezuan meraih tempat ketiga dalam FIM MiniGP Malaysia di Litar Kart Antarabangsa Sepang dianggap pencapaian membanggakan.

Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI selaku penaja pelumba berusia 16 tahun itu turut mengucapkan tahniah di atas kejayaan tersebut.

"Mewakili MBI Selangor, saya ucapkan tahniah kepada adik Emil Idzhar kerana berjaya mendapat tempat ketiga keseluruhan FIM MiniGP Malaysia.

"MBI telah memberikan sumbangan kepada adik Emil untuk beraksi dalam kejohanan ini. Kejayaan ini amat membanggakan kami," maklum Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporat MBI Ahmad Azri Zainal Nor.

Kejayaan Emil pada 8 Oktober lalu itu meyalakkan beliau mewakili negara ke kejohanan dunia FIM MiniGP di Valencia, Sepanyol.



Pelumba tajaan MBI Emil Idzhar kedudukan ketiga perlumbaan FIM MiniGP Malaysia 190cc di Litar Kart Antarabangsa Sepang pada 8 Oktober. Foto Facebook FIM MiniGP Malaysia

Emas sulung boling selepas 12 tahun

SHAH ALAM - Pemain boling wanita negara, Natasha Mohamed Roslan menamatkan kemarau 12 tahun Malaysia selepas memenangi emas acara individu dalam Kejohanan Dunia di Salmiya, Kuwait.

Lebih manis, pemain berusia 27 tahun itu menewaskan rakan senegara, Sin Li Jane menerusi keputusan 2-1 dalam format tiga permainan terbaik di Kuwait Bowling Sporting Club pada 9 Oktober.

Terikat 1-1 selepas perlawanan kedua, Natasha bangkit untuk menang 185-165 dalam perlawanan penentuan sekali gus menghadihkan emas buat negara, lapor Bernama.

Kali terakhir Malaysia meraih pingat emas acara berkenaan menerusi Jacqueline Sijore di Hong Kong pada 2011.

Sementara itu, EXCO Sukan Najwan Halimi turut mengucapkan tahniah atas kejayaan membanggakan atlet boling Selangor tersebut.

AAK FC teraju kumpulan B Liga Juara Selangor

KKB, Frenz United kekal kemenangan

Oleh **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - KKB Brotherhood dan Klang Frenz United FC terus memamer aksi cemerlang selepas mencatat kemenangan kedua berturut-turut dalam saingan kumpulan A Liga Juara Selangor (SCL 2023).

Jaringan tunggal Syakir Fahmi pada minit ke-59 membantu KKB Brotherhood menewaskan pasukan tangga tercorot Ingress FC 1-0 di Arena MBSJ, Subang Jaya pada 8 Oktober.

Keputusan sama turut dilakar Klang Frenz United FC yang mengecewakan Kg Bharu Boss FC menerusi gol tunggal Haffi Mat pada minit ke-57.

Hasrat Gombak FA untuk mencatat kemenangan kedua disekat Kru Port Klang selepas kedua-dua pasukan terikat 1-1.

Sementara itu, Tebuan Kg Pinang dan Ampang Ukay Positive terpaksa berkongsi satu mata selepas kedua-dua pasukan terikat 2-2.

Aksi kumpulan B menyaksikan AAK FC Puncak Alam mencatat kemenangan

bergaya 3-1 ke atas Najmi SFFC Kota Damansara menerusi dua jaringan Naufal Akif pada minit ke-15 dan 16 serta Irfan Bustamam.

Gol Izzul Danish pada minit ke-64 membantu MBSA FC meraih tiga mata berharga menewaskan Kajang Northern Merbau FC 2-1 selepas mendahului lawan seawal minit kelima hasil jaringan Irfan Haziq.


Dua lagi pasukan PJ Kelana United FC dan NPNG Damansara Perdana turut berjaya mengutip mata penuh menewaskan lawan masing-masing 2-0 pada 7 Oktober.

pancawarna

Elak bahaya, kenali ulama jahat dan baik

Kitab Ihya Ulumuddin karya al-Ghazali membicarakan ilmu terpuji dan tercela

9



Raih jualan puluhan ribu sebulan

Usahawan wanita bangkit selepas dua syarikat miliknya gulung tikar

11



Kilauan emas negara dari tanah China

Prestasi Malaysia memberangsangkan pada temasya sukan kedua terbesar dunia

14

